

Sosialis



**TSUNAMI POLITIK
JATUHKAN
REJIM BN**

baca lanjut di m/s 8 & 9



1968

Tahun yang mengubah sejarah dunia

> m/s 14 & 15



Demam bola lagi?

> m/s 10 & 11

Sistem pengundian yang lebih adil

> m/s 6

Kembalikan Pilihanraya Tempatan

baca lanjut di m/s 5 & 7

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat PSM

- Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama,
- Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual, memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga, menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja, memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya.
- Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua

agama dan budaya.

- Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan peminasaan.
- Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menubuhkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian yang sepatutnya.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank:
512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

DARI MEJA PENGARANG

Rakyat Malaysia yang keluar mengundi pada 9 Mei lalu telah menunjukkan kesungguhan mereka untuk menjatuhkan rejim UMNO-BN yang dipimpin oleh Najib Razak. Rejim yang memerintah negara kita untuk lebih 6 dekad sejak kemerdekaan akhirnya dijatuhkan dalam pilihanraya. Peralihan kuasa daripada Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) yang dipimpin oleh Mahathir Mohamad berlangsung dengan agak licin, tanpa terjadinya keadaan yang huru-hara. Ini merupakan kemenangan rakyat dan permulaan fasa baru dalam proses pembaharuan masyarakat Malaysia.

Walaupun PSM kalah di semua kawasan yang ditandingi, namun PSM mengalu-alukan keputusan pilihanraya yang menguburkan rejim UMNO-BN. PSM telah terlibat dalam pelbagai perjuangan menentang rejim UMNO-BN sebelum ini, termasuk ramai anggota PSM ditahan dan dituduh dengan pelbagai label oleh rejim UMNO-BN, maka kejatuhan rejim UMNO-BN memang sesuatu yang memberangsangkan.

Perubahan rejim di peringkat Persekutuan telah membuka ruang baru untuk pembaharuan masyarakat dan perkembangan lanjut gerakan rakyat. Namun, perubahan rejim tidak bermakna akan berlakunya perubahan sistem. Elit politik yang memerintah sudah berubah, tetapi sistem pentadbiran politik dan susunan sosio-ekonomi yang lama masih wujud. Ruang baru yang

dibuka hasil daripada perubahan rejim perlu digunakan dengan baik oleh golongan progresif dan masyarakat sivil untuk memajukan agenda pembebasan rakyat. Ruang demokrasi sepatutnya akan lebih meluas untuk golongan progresif dan masyarakat sivil menyuarakan tuntutan mereka demi perubahan yang sebenar.

Pembaharuan masyarakat yang menjamin kepentingan rakyat biasa hanya dapat dijayakan dengan penyertaan secara demokratik oleh rakyat yang berkesedaran politik. Kita tidak boleh mengharapkan elit politik yang memegang kuasa untuk melakukan pembaharuan yang mampu memperbaiki kehidupan rakyat dan menjamin kesejahteraan untuk semua. Kita perlu meneruskan usaha membina kuasa rakyat dari bawah, mengorganisasi dan memobilisasi rakyat biasa untuk terus memperjuangkan agenda pembaharuan yang membawa kepada pembentukan sebuah masyarakat yang lebih bebas, adil, samarata dan sejahtera.

PSM terus berkomited dalam usaha membina kuasa rakyat dari bawah, bersama-sama dengan masyarakat sivil, gerakan rakyat dan komuniti setempat, untuk memastikan pembaharuan masyarakat yang berlangsung itu benar-benar menjamin kesejahteraan semua.

Marilah **bersama membina kuasa rakyat! ##**

Langganlah Akhbar Sosialis sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

E-mel: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama
PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

140A, Jalan Sultan Abdul Samad,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel/Faks: 03-22762247

E-mel: pusat@partisosialis.org

Laman web: <http://partisosialis.org/>

Kembalikan kerja Kohila

Putrajaya - Aktivistik-aktivis daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM), Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) dan kumpulan masyarakat sivil telah menyerahkan memorandum kepada Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Sumber Manusia, pada 11 Jun lalu, berkenaan dengan isu aktivis JERIT Kohila Yanasekaran dipecat oleh Bank Negara atas sebab memakai kemeja-T bantah GST.

M. Kulasegaran, Menteri Sumber Manusia, telah bertemu dengan Kohila untuk menerima memorandum yang diserahkan. Turut serta dalam pertemuan tersebut ialah A. Sivarajan (Setiausaha Agung PSM) dan S. Arutchelvan (AJK Pusat PSM).



Arul disiasat polis kerana hantar memorandum kepada Mahathir

Putrajaya - S. Arutchelvan, Ahli Jawatankuasa Pusat PSM, telah hadir ke Ibupejabat Polis Daerah Putrajaya untuk memberi keterangan berkenaan dengan siasatan polis terhadap aktiviti penyerahan memorandum kepada Pejabat Perdana Menteri pada 11 Jun lalu di Putrajaya.

Arul disiasat di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 hanya kerana menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri untuk meminta pihak Perdana Menteri mencampurtangan dalam isu pemecatan Kohila oleh Bank Negara.

Adalah sesuatu yang biasa untuk sesiapa pun menyerahkan surat atau

memorandum kepada mana-mana pegawai kerajaan supaya mereka dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Kenapa tindakan menyerahkan memorandum sebegini perlu disiasat pula oleh pihak polis?

Siasatan polis terhadap aksi rakyat yang membawa sesuatu isu kepada perhatian pihak berkuasa merupakan perkara yang membazirkan sumber kerajaan dan tidak masuk akal langsung. Rejim UMNO-BN sudahpun dijatuhkan melalui pilihanraya, dan sekarang kita adanya sebuah kerajaan yang baru, kenapa pula amalan lama yang menyekat kebebasan demokratik rakyat ini masih berlarutan?

Penjaja Pasar Besar Gombak minta Menteri selesai masalah

Putrajaya - Seramai 30 orang penjaja dari Pasar Besar Gombak telah berjumpa dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, pada 22 Jun lalu, untuk memohon campurtangan Menteri dalam membela nasib mereka yang ditindas oleh DBKL akibat kenehan Kerajaan BN sebelum ini. Turut bersama dengan para penjaja ialah A. Sivarajan (Setiausaha Agung PSM) dan Soh Sook Hwa (Bendahari PSM).

Pasar Besar Gombak kepunyaan Kerajaan dan DBKL telah disyaki dijual kepada pemaju untuk pembangunan semula bangunan pasar dan projek RumahWip. Kesemua perundingan dan bayaran pampasan dibuat oleh jawatankuasa yang diwakili oleh kroni UMNO di kawasan itu. Ramai penjaja lama Pasar Gombak dianiayai dengan bayaran pampasan yang tidak setimpal, ada yang langsung tidak dapat tempat berniaga. Kini pemaju menggunakan samseng untuk mengugut para penjaja dan mendesak mereka mengosongkan premis Pasar yang diduduki oleh mereka lebih 30 tahun itu.

Para penjaja telah menyerahkan satu memorandum kepada Menteri dengan tuntutan supaya membekukan dan menangguhkan projek pembinaan RumahWip, membela nasib penjaja Pasar Besar Gombak yang diusir secara paksa, dan menyasat penyelewengan yang berlaku dalam DBKL.



Peneroka GATCO tuntutan penyelesaian

Seremban - Peneroka GATCO telah menyerahkan memorandum kepada Kerajaan baru Negeri Sembilan, pada 1 Jun lalu, dengan tuntutan menyelesaikan masalah tanah yang dihadapi oleh mereka untuk bertahun-tahun lamanya. Turut bersama dengan para peneroka GATCO semasa penyerahan memorandum kepada wakil Menteri Besar Negeri Sembilan ialah S. Arutchelvan, Ahli Jawatankuasa Pusat PSM.

Peneroka GATCO berharap pada Kerajaan Pakatan Harapan yang baru mentadbir di Negeri Sembilan dapat melakukan sesuatu yang berbeza dengan Kerajaan BN sebelum ini, dalam mengambil usaha yang lebih serius untuk menyelesaikan masalah mereka.



Penduduk rumah PPR diusir



Georgetown - Beberapa penduduk unit rumah PPR Padang Tembak, Pulau Pinang, telah diusir secara paksa pada 5 Jun lalu oleh penguatkuasa Bahagian Perumahan Pulau Pinang. Dua orang telah ditahan polis semasa proses pengusiran, iaitu R. Karthiges (aktivis PSM) dan Nathan a/l Munusamy (saudara kepada salah seorang penduduk). Mereka yang ditahan polis kemudiannya dibebaskan pada malam itu.

Penduduk yang berkenaan telah menghadapi ancaman pengusiran paksa sejak bulan November 2017. Mereka sudah cuba meminta perjumpaan dengan EXCO Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jagdeep Singh Deo, sejak bulan Disember 2017, untuk membincangkan penyelesaian yang wajar untuk masalah mereka, tetapi mereka tidak mendapat temujanji untuk perbincangan sedemikian sehingga satu pertemuan bersama dengan wakil masyarakat sivil Pulau Pinang selepas pengusiran, iaitu pada 8 Jun.

Penduduk rumah PPR Padang Tembak ini diusir dengan alasan telah melanggar syarat yang ditetapkan, antaranya berkahwin dengan orang asing dan mempunyai tunggakan sewa yang tinggi. Mengusir penduduk rumah PPR atas sebab pasangannya adalah warga asing adalah tidak masuk akal. Salah seorang penduduk yang diusir merupakan waris kepada penyewa asal (generasi kedua) unit PPR dan berkahwin dengan warga asing yang sudah memohon status pemastautin tetap di Malaysia, dan suami isteri tersebut merupakan pekerja bawahan yang menerima gaji rendah. Syarat yang menghalang penghuni PPR berkahwin dengan warga asing merupakan satu bentuk diskriminasi dan memberi gambaran bahawa rakyat miskin daripada

golongan B40 tiada hak untuk memilih pasangan hidupnya jika ingin tinggal di rumah PPR.

Penduduk rumah PPR Padang Tembak yang diusir merupakan golongan berpendapatan rendah. Isu tunggakan sewa berkait rapat dengan status pendapatan mereka. Sebenarnya isu tunggakan sewa boleh diselesaikan dengan proses perbincangan dan bukannya melalui tindakan administratif yang langsung tidak bersifat kemanusiaan. Kerajaan Negeri memang boleh dan pernah memberi kelulusan bersyarat bagi mereka yang mempunyai tunggakan sewa untuk terus menetap di unit rumah PPR. Adalah tidak berperikemanusiaan kerana menghukum seorang yang miskin dengan mengusirnya keluar dari unit rumah PPR yang dikhaskan untuk golongan miskin, atas sebab dia tidak mampu bayar sewa.

Kerajaan Negeri juga tidak patut mengusir rakyat miskin keluar dari rumahnya untuk mengosongkan rumah supaya menempatkan rakyat miskin yang lain yang juga memerlukan rumah PPR. Isu kekurangan unit PPR untuk penduduk Pulau Pinang hanya boleh diselesaikan dengan membina lebih banyak unit rumah PPR, bukannya memaksa penduduk yang sedia ada untuk mengosongkan rumah mereka. Sebelum itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi alasan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mengeluarkan dana untuk membina rumah PPR bagi rakyat miskin, tetapi sekarang ini kedua-dua Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah dikuasai oleh Pakatan Harapan, maka semestinya tiada halangan untuk kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri memberi keutamaan untuk membina unit rumah PPR yang lebih banyak bagi memenuhi penduduk berpendapatan rendah.

Hutang negara cecah RM 1 trilion?



Kenyataan oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad bahawa hutang negara mencecah RM 1 trilion, telah menimbulkan kekeliruan dan kerisauan rakyat terhadap situasi ekonomi negara, seolah-olah negara Malaysia sedang berada di ambang kebangkrutan.

Menteri Kewangan Lim Guan Eng kemudiannya "mengesahkan" bahawa jumlah keseluruhan hutang kerajaan berjumlah RM 1.087 trilion setakat 31 Disember 2017. Namun, angka lebih RM 1 trilion ini bukan sahaja terdiri daripada hutang kerajaan persekutuan, malah turut mengambilkira semua komitmen dan liabiliti kerajaan persekutuan yang lain. Menurutnya, hutang kerajaan persekutuan mencecah RM 686.8 bilion (bersamaan dengan 50.8% Keluaran Dalam Negara Kasar); sementara komitmen hutang yang dijamin kerajaan adalah RM 199.1 bilion (14.6% KDNK) dan komitmen untuk bayaran pajakan untuk projek di bawah kerjasama awam-swasta (PPP) adalah sebanyak RM 201.4 bilion (14.9% KDNK).

Kerisauan rakyat terhadap situasi hutang negara telah menyebabkan segolongan rakyat mengambil inisiatif untuk menderma kepada kerajaan untuk membayar hutang. Kerajaan Pakatan Harapan kemudiannya menubuhkan Tabung Harapan Malaysia untuk menerima wang derma daripada orang ramai. Satu sentimen "selamatkan negara" daripada hutang telah diapi-apikan oleh sesetengah pihak.

Namun, adakah masalah hutang negara begitu serius sampai negara Malaysia boleh mufliis bila-bila masa? Adakah Malaysia sudah jadi macam Greece?

Masih menjadi tanda soal kenapa Kerajaan Persekutuan baru kita menggunakan cara pengiraan hutang kerajaan yang berbeza daripada pengiraan standard yang digunakan oleh semua kerajaan lain di dunia. Pengiraan standard hutang kerajaan tidak memasukkan jaminan kerajaan terhadap hutang yang dibuat oleh syarikat milik kerajaan atau badan-badan berkanun. Hutang kerajaan adalah pada paras 50.8% KDNK jika menggunakan pengiraan standard, masih kurang daripada had statutori 55% di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983.

Jika kita lihat pada RM 686.8 bilion hutang Kerajaan Persekutuan, sebanyak RM 484.1 bilion (70%) daripadanya adalah hutang dalam negara, sementara RM 202.8 bilion (30%) adalah hutang luar negara.

Hutang luar untuk kerajaan Malaysia

bukannya tinggi sangat sampai negara akan bankrap bila-bila masa, seperti yang berlaku pada Greece. Hutang dalam negeri kebanyakannya diwujudkan dengan penerbitan bon dalam pelbagai bentuk. Sebahagian besar bon kerajaan dipegang oleh institusi seperti Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Hutang kerajaan kepada KWSP adalah RM 186.3 bilion, lebih kurang

17% daripada hutang RM 1.087 trilion seperti yang didakwa kerajaan, ataupun lebih kurang 27% daripada Hutang Kerajaan Persekutuan yang mengikut pengiraan standard. Ini bermakna adanya sebahagian hutang kerajaan itu sebenarnya adalah hutang kepada rakyat Malaysia sendiri.

Bagaimana selesaikan masalah hutang?

Tanggungjawab sesebuah kerajaan adalah membelanjakan wang kutipan hasil daripada masyarakat (kebanyakannya dalam bentuk cukai) secara berhemah untuk membekalkan segala perkhidmatan awam yang bermutu kepada rakyat. Apabila perbelanjaan melebihi sumber pendapatan, sememangnya Kerajaan akan berhutang. Sekiranya hutang kerajaan itu terlalu tinggi, khususnya hutang luar negara atau hutang kepada institusi kewangan besar, kerajaan terpaksa membelanjakan sebahagian besar pendapatan negara untuk membayar bunga bagi hutang sehingga kerajaan kekurangan dana untuk membekalkan perkhidmatan awam yang sepatutnya. Oleh itu, kadar hutang itu perlu dikawal supaya negara kita tidak dikuasai oleh pemiutang.

Untuk menyelesaikan masalah hutang atau mengurangkan hutang negara, kerajaan boleh menggunakan dua pendekatan:

- Penjimatan;
- Penambahan sumber pendapatan kerajaan.

Penjimatan melibatkan usaha membanteras amalan korupsi yang wujud dalam sistem pentadbiran kerajaan dan juga mengamalkan budaya perbelanjaan yang berhemah.

Negara kita dibelenggu dengan masalah korupsi yang hebat pada zaman pemerintahan UMNO-BN. Dengan kejatuhan rejim UMNO-BN, kerajaan baru yang diterajui Pakatan Harapan perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan segala amalan rasuah dan korupsi yang wujud dalam pentadbiran negara. Siasatan terhadap 1MDB dan juga skandal rasuah yang berlaku sebelum ini adalah langkah yang penting. Kita juga boleh menampakkan usaha kerajaan baru cuba menjadi teladan berjimat-cermat dengan mengurangkan gaji menteri kabinet.

Perbelanjaan kerajaan memang perlu dikawal supaya segala wang daripada dana awam tidak

dibazirkan. Wang yang diijamatkan daripada penghapusan amalan korupsi boleh digunakan dalam membangunkan perkhidmatan awam yang lebih baik untuk rakyat.

Selain penjimatan, satu lagi cara untuk menangani masalah hutang negara adalah menambahkan sumber pendapatan kerajaan. Sebelum ini, kerajaan negara kita amat bergantung kepada pendapatan daripada sumber minyak petroleum, tetapi sumber pendapatan ini sudahpun semakin berkurangan kerana simpanan minyak petroleum negara kita semakin berkurang. Kerajaan sebelum ini cuba memperkenalkan cukai GST untuk menambahkan sumber pendapatan kerajaan, tetapi cukai GST merupakan sejenis sistem percukaian yang regresif, di mana rakyat miskin dibebankan dengan bayaran cukai dan dimiskinkan lagi.

Cukai GST boleh menambahkan pendapatan negara tetapi menyusahkan rakyat bawahan, dan bukannya satu cara yang baik untuk menambahkan pendapatan kerajaan. Oleh itu, kerajaan patut mempertingkatkan kadar cukai progresif terhadap golongan mahakaya dan memperkenalkan cukai progresif yang lain. Antara cukai progresif yang boleh diperkenalkan adalah cukai keuntungan modal dan cukai harta warisan.

Sistem percukaian merupakan salah satu cara untuk pengagihan semula kekayaan negara. Sistem percukaian bersifat progresif akan membolehkan kekayaan negara diagihkan secara adil, di mana rakyat bawahan dapat menikmati kekayaan yang dicipta secara bersama, dan kekayaan tidak akan menumpu dalam tangan golongan kaya. Sebaliknya, sistem percukaian yang regresif akan memburukkan lagi situasi jurang kekayaan yang semakin melebar.

Oleh yang demikian, kita perlu memperjuangkan sistem percukaian yang progresif, dengan tuntutan seperti golongan mahakaya patut membayar kadar cukai yang lebih tinggi. Kadar cukai korporat untuk syarikat gergasi perlu ditingkatkan. Peningkatan cukai ke atas golongan mahakaya tidak semestinya akan mengurangkan keuntungan syarikat korporat. Ini disebabkan apabila kekayaan diagihkan semula sehingga golongan bawahan adanya lebih pendapatan untuk membelanja, ekonomi domestik akan berkembang, maka pendapatan daripada perniagaan jualan barangan kepada pasaran domestik untuk syarikat korporat juga akan bertambah.

Kita perlu letakkan pengwujudan sistem ekonomi yang berlandaskan pengagihan semula kekayaan secara adil sebagai salah satu agenda pembaharuan dalam keadaan politik yang baru di negara kita. ##

Caruman KWSP untuk suri rumah Adakah ia mencukupi?

Dalam "Buku Harapan", manifesto pilihanraya yang dikemukakan oleh Pakatan Harapan untuk PRU-14, salah satu daripada 10 janji 100 hari adalah "memperkenalkan skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk suri rumah". Cadangan ini dihuraikan dengan lebin lengkap dalam Janji 36 Buku Harapan: "Caruman akan disumbangkan daripada caruman KWSP para suami yang bekerja pada kadar 2% sebulan yang tidak membebankan. Sebagai tanda penghargaan kepada suri rumah, Kerajaan Pakatan Harapan akan memberi sumbangan caruman sebanyak RM50 sebulan kepada KWSP para suri rumah."

Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, telah menyatakan bahawa salah satu tugas yang diberi keutamaan untuk pelaksanaan adalah skim caruman KWSP untuk suri rumah. Menurut Wan Azizah, kadar caruman 2% sebulan daripada gaji suami kepada suri rumah sepenuh masa itu tidak melibatkan potongan gaji tambahan, sebaliknya akan diambil daripada 11% kadar caruman yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, skim ini masih tidak dapat dilaksanakan setakat ini kerana terdapat beberapa halangan dari segi dana dan undang-undang.

Cadangan skim caruman KWSP untuk suri rumah sepenuh masa adalah sesuatu yang perlu dan tepat pada masanya. Janji dalam Buku Harapan ini sekurang-kurangnya telah menonjolkan satu fakta yang telah lama diabaikan, iaitu nilai ekonomi untuk kerja-kerja yang dilakukan dalam rumahtangga tidak dihargai sepenuhnya oleh masyarakat kita.

Jika sesebuah isi rumah mengupah seorang pembantu rumah untuk membuat kerja-kerja seperti memasak, membersihkan rumah, membasuh baju, menyeterika baju dan menjaga kanak-kanak di rumah, semestinya isi rumah tersebut perlu membayar sekurang-kurangnya RM 1,000. Namun, seorang suri rumah sepenuh masa melakukan semua ini dengan percuma. Oleh yang demikian, cadangan yang dibawa Pakatan Harapan ini mengiktiraf

bahawa kebajikan suri rumah sepenuh masa yang "tidak bekerja" di luar (tetapi bekerja dalam rumah) perlu dijaga.

(sambung di m/s 5)



Kembalikan Pilihanraya Tempatan

Kerajaan Tempatan merupakan peringkat ketiga dalam komponen sistem pentadbiran kerajaan di negara kita, iaitu selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan tempatan termasuk Dewan/Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.

Sesebuah kerajaan tempatan bertanggungjawab ke atas pengurusan setempat dan penting untuk memastikan pembangunan mampan setempat, menjaga alam sekitar dan menyediakan kemudahan sosial untuk penduduk setempat. Kerajaan tempatan berurusan secara harian dengan rakyat.

Kerajaan tempatan mempunyai peranan dan tugas-tugas seperti: perancangan tempatan; pengeluaran lesen (seperti lesen penjaja, lesen untuk premis perniagaan dan sebagainya); merancang dan menyediakan kemudahan awam; membina bangunan, perumahan dan unit-unit perniagaan (seperti pasar, gerai-gerai dsb); mengurus dan mengawal lalu lintas; mengutip hasil cukai seperti cukai pintu; berkuasa meluluskan atau menolak pelan untuk sesuatu projek pembangunan.

Namun, rakyat Malaysia tidak mempunyai hak untuk memilih kerajaan

tempatan dan wakil rakyat di peringkat majlis tempatan melalui pilihanraya sejak tahun 1960-an apabila pilihanraya tempatan digantung sehingga kini.

Kenapa perlunya pilihanraya tempatan?

Pilihanraya tempatan dapat menjamin kebertanggungjawaban kerajaan tempatan terhadap rakyat setempat.

Oleh sebab ahli-ahli majlis tempatan sekarang ini dilantik oleh parti-parti pemerintah di negeri masing-masing, ini menyebabkan kebanyakan ahli majlis hanya melakukan tugas mereka sebagai budak suruhan kepada kerajaan negeri, bukannya rakyat tempatan yang sepatutnya menerima perkhidmatan mereka. Dengan adanya pilihanraya tempatan, ahli-ahli majlis tempatan akan bertanggungjawab terus kepada pengundi, dan bukannya kerajaan negeri yang melantik mereka tanpa proses demokrasi. Para pengundi juga boleh menukar ahli majlis yang tidak melaksanakan tugasnya secara baik melalui proses pengundian.

Dengan adanya pilihanraya tempatan, pihak berkuasa tempatan akan



menjadi lebih peka dan lebih bertanggungjawab kepada kepentingan rakyat setempat, kerana sekiranya kerajaan tempatan tidak menjalankan tugas secara baik, ia akan ditukar dalam pilihanraya tempatan yang akan datang.

Sejarah ringkas pilihanraya tempatan di Malaysia

Pilihanraya kerajaan tempatan pertama kali diperkenalkan di Georgetown, Pulau Pinang pada tahun 1857, tetapi dimansuhkan pada tahun 1913, kemudiannya dipulihkan semula pada tahun 1951, apabila Ordinan Majlis Tempatan diwujudkan pada tahun 1950.

Ordinan Majlis Tempatan 1952

mewujudkan majlis tempatan untuk kawasan luar bandar.

Pada tahun 1958, pilihanraya tempatan telah dijalankan untuk majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah.

Pilihanraya tempatan yang terakhir dijalankan pada tahun 1963 sebelum semua pilihanraya tempatan digantung apabila darurat diumumkan pada September 1964, semasa berlakunya Konfrontasi dengan Indonesia.

Suruhanjaya Di-Raja Penyiasatan ke atas Pihak Berkuasa di Semenanjung Malaysia ditubuhkan pada tahun 1965 dan dipimpin oleh Athi Nahappan. Dalam laporan yang diterbitkan pada Disember 1968, Suruhanjaya Di-Raja telah menyarankan bahawa setiap ibu kota di Semenanjung Malaysia patut ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada wakil yang dipilih oleh rakyat, dan ini patut diperluaskan ke tempat lain juga. Namun, saranan daripada laporan tersebut tidak dipedulikan oleh Kerajaan pada masa itu.

Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menggantung semua pilihanraya tempatan.

Pada masa kini, semua Yang Di-Pertua Majlis Tempatan atau Datuk Bandar dan Ahli Majlis Tempatan dilantik oleh Kerajaan Negeri tanpa pilihanraya.

Bolehkah Kerajaan Pakatan Harapan mengembalikan pilihanraya tempatan?

Janji 25 dalam Buku Harapan (Manifesto Pakatan Harapan semasa PRU-14), berkenaan dengan "memperkuh peranan dan kuasa pihak berkuasa tempatan", menyatakan bahawa:

"Pakatan Harapan komited untuk memperkuhkan demokrasi setempat. Akauntabiliti pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada masyarakat setempat akan dipertingkatkan agar mereka menjadi lebih bertanggungjawab kepada penduduk setempat dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 akan dipinda untuk memastikan hasrat ini tercapai. Pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil setempat akan diberi tempat untuk menyuarakan pandangan mereka secara terus dalam PBT."

Walaupun tidak bertulis dengan jelasnya bahawa Pakatan Harapan akan mengembalikan pilihanraya tempatan, tetapi Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin telah mengatakan bahawa pilihanraya bagi memilih datuk bandar mungkin dapat dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun. Ini merupakan satu petanda yang baik bahawa Pakatan Harapan akan berusaha mengembalikan pilihanraya tempatan.

Pengembalian pilihanraya tempatan sebenarnya bukan satu perkara yang baru untuk parti-parti komponen dalam Pakatan Harapan. Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) pernah meletakkan pengembalian pilihanraya tempatan dalam manifesto mereka.

(sambung di m/s 7)

(sambung dari m/s 4)

Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Jawatankuasa Pusat PSM, walaupun mengalu-alukan cadangan pelaksanaan skim caruman KWSP untuk suri rumah ini, tetapi mengatakan bahawa cadangan ini masih tidak mencukupi. Menyalurkan 2% daripada caruman KWSP suami kepada akaun KWSP isteri yang tidak bekerja di luar dan ditambah dengan sumbangan RM 50 daripada kerajaan, tidak akan membolehkan suri rumah berkenaan memperoleh wang tambahan dalam tangan untuk ketika ini. Suri rumah berkenaan masih perlu menunggu sehingga berumur 50 tahun untuk mengeluarkan 1/3 daripada jumlah simpanan KWSPnya. "Namun, suri rumah daripada isi rumah B40 (berpendapatan terbawah 40%), amat memerlukan lebih wang yang boleh dibelanjakan sekarang juga, kerana kos untuk menguruskan rumahtangga semakin meningkat pada masa ini," ujar Dr. Jeyakumar.

"Jika kerajaan bersedia untuk membelanjakan RM 2.25 bilion setahun (RM 50 x 12 bulan x 3.75 juta keluarga), kenapa tidak membelanjakannya dengan cara memanfaatkan keluarga B40 sekarang juga?" Inilah persoalan yang dikemukakan oleh Dr. Jeyakumar.

Dr. Jeyakumar juga berpandangan bahawa cadangan caruman KWSP untuk suri rumah tidak dapat membantu dalam mewujudkan simpanan usia tua. Pada masa kini, sebanyak 24% daripada gaji pekerja dicarumkan kepada KWSP (11% daripada caruman pekerja dan 13% daripada caruman majikan). Namun, dengan kadar caruman yang begitu tinggi pun, lebih 80% pekerja menghabiskan simpanan KWSP

mereka dalam tempoh masa 5 tahun selepas bersara. Akibatnya, pekerja ini tiada apa-apa lagi simpanan untuk dibelanja apabila mereka memasuki umur 70-an. Jika caruman 24% pun tidak dapat bertahan untuk 5 tahun, berapa lamakah simpanan daripada caruman 2% itu dapat bertahan untuk suri rumah?

"Jika perlindungan usia tua untuk wanita adalah tujuannya, maka bukankah skim pencen warga emas itu sesuatu yang lebih baik? Katakanlah RM 300 sebulan untuk semua individu yang berusia 70 tahun dan ke atas, kerajaan hanya perlu membelanja lebih kurang RM 2 bilion setahun untuk ketika ini."

PSM mencadangkan menstrukturkan semula bantuan tunai secara langsung (yang dikenali sebagai BR1M sebelum ini) untuk 2.5 juta isi rumah B40 dengan cara memasukkan RM 100 setiap bulan ke dalam akaun bank wanita dalam isi rumah berkenaan. Ini dilakukan atas beberapa sebab, antaranya wang yang dimasukkan setiap bulan akan dapat membantu membiayai kos hidup serba sedikit, isteri dalam keluarga biasanya lebih bertanggungjawab dalam perbelanjaan berbanding suami, dan RM 100 sebulan dalam akaun isteri akan dapat memberi pemberdayaan kepadanya sebanyak sedikit. Bantuan tunai secara langsung sebegini memang dapat merangsang permintaan agregat sebanyak RM 3 bilion setahun (RM 1200 X 2.5 juta).

Untuk mengiktiraf nilai kerja suri rumah yang kebanyakannya dilakukan oleh wanita dan tidak dibayar, Dr. Jeyakumar mencadangkan kampen media masa berjangka masa panjang untuk menekankan isu ini dan menggalakkan lelaki dalam keluarga

supaya turut membantu dalam kerja rumah, untuk mengiktiraf dan meringankan beban kerja suri rumah.

Bagaimana pula dengan kerja rumah yang dilakukan oleh wanita yang bekerja di luar? Janji dalam Buku Harapan tidak menangani isu yang dihadapi kumpulan ini. Pada masa sekarang, hanya wanita bekerja daripada T20 mempunyai pembantu rumah untuk membuat kerja-kerja rumah untuk mereka. Untuk keluarga B40 dan M40, ibu yang bekerja perlu melakukan kerja kedua selepas pulang dari kerja, tetapi dia tidak mendapat manfaat daripada skim yang dicadangkan Pakatan Harapan ini. Apabila wanita terpaksa bersusah payah untuk mengimbangi kerja di luar rumah dengan tanggungjawab domestik mereka, wanita ini menghadapi beban yang berlipat ganda yang menjadi penghalang utama kepada pemberdayaan ekonomi wanita.

Majikan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan keadaan tempat kerja yang kondusif untuk pekerjaannya termasuk pekerja wanita yang juga merupakan ibu. Namun, dalam ekonomi pasaran di mana matlamat utama syarikat korporat adalah memaksimumkan keuntungan, biasanya hak-hak pekerja diketepikan untuk mengurangkan kos bisnes. Oleh itu, kerajaan mempunyai peranan penting untuk mencampurtangan dan memastikan pihak korporat melindungi hak pekerja, termasuk hak pekerja wanita, dengan menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, bilik penyusuan ibu dan pusat penjagaan kanak-kanak yang dikendalikan kerajaan. ##

Pembaharuan untuk sistem pengundian dalam pilihanraya

Menuju perwakilan yang lebih adil dalam sistem perundangan negara

Pilihanraya merupakan satu komponen yang penting dalam demokrasi. Rakyat dapat memilih wakil rakyat yang mewakili mereka dalam sistem perundangan ataupun kerajaan yang mentadbir sesebuah negara melalui cara pengundian dalam pilihanraya.

Negara Malaysia mengamalkan sistem Westminster, iaitu sejenis sistem politik berparlimen yang bermodelkan apa yang dibangunkan di negara Britain. Di bawah sistem ini, pada kebiasaannya, sistem eksekutif (kerajaan yang memerintah) dibentuk oleh ahli-ahli parlimen daripada parti atau gabungan parti yang memenangi kerusi terbanyak dalam Dewan Rakyat; wujudnya jawatan Ketua Pembangkang dalam parlimen; ahli-ahli parlimen dipilih melalui sistem "undian pemenang undi terbanyak" (*first-past-the-post*) mengikut kawasan pengundian.

Sistem pilihanraya di negara kita mempunyai banyak masalah. Selain wujudnya penyelewengan dalam proses pilihanraya (seperti pengundi hantu, politik wang, penyalahgunaan jentera kerajaan, akses media yang tidak adil dan sebagainya), rekaan sistem pilihanraya itu sendiri mempunyai pelbagai kelemahan sehingga perwakilan dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri tidak mencerminkan pengagihan undian ataupun pilihan rakyat yang sebenar.

Oleh itu, selain menyokong untuk meneruskan usaha melaksanakan semua tuntutan yang dibawa oleh Gabungan BERSIH 2.0 untuk pilihanraya yang bersih dan adil di negara kita, adalah perlu juga untuk kita memperjuangkan pembaharuan dalam sistem pengundian supaya memastikan pilihanraya di negara kita benar-benar adil.

Masalah dengan Sistem "Undian Pemenang Undi Terbanyak"

Sistem pengundian yang diamalkan dalam pilihanraya di negara kita dari dahulu hingga sekarang, adalah sistem "undian pemenang undi terbanyak" (*first-past-the-post*, **FPTP**).

Sistem FPTP merupakan salah satu jenis sistem pengundian majoritarian, iaitu mana-mana calon yang mendapat undi terbanyak dalam sesuatu kawasan pilihanraya akan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan berkenaan.

Sistem "undian pemenang undi terbanyak" mempunyai pelbagai kelemahan dan masalah, antaranya:

(A) Pengagihan perwakilan dalam Parlimen tidak mencerminkan pecahan jumlah undi yang diperoleh

Misalnya, dalam PRU-13 pada tahun 2013, Barisan Nasional (BN) hanya memperoleh 47.38% daripada jumlah undi di seluruh negara, tetapi ia memenangi sebanyak 59.91% kerusi dalam Dewan Rakyat; sedangkan Pakatan Rakyat yang memperoleh

sebanyak 50.87% undi pada masa itu hanya mendapat 40.09% kerusi dalam Dewan Rakyat. Amat jelas sekali, pengagihan kerusi dalam Parlimen tidak selaras dengan taburan undi yang diperoleh parti-parti yang bertanding.

Dalam PRU-14 pula, jumlah peratusan undi yang diperoleh Pakatan Harapan adalah 47.92%, tetapi memenangi sebanyak 54.5% kerusi dalam Dewan Rakyat; manakala Parti PAS yang mendapat 16.99% daripada undi keseluruhan hanya memperoleh 8.1% kerusi dalam Dewan Rakyat.

(B) Undi dibazirkan

Dengan mengambil contoh keputusan PRU-13, Pakatan Rakyat menang 40.09% kerusi dalam Dewan Rakyat dengan perolehan undi popular sebanyak 50.87%. Ini bermakna bahawa lebih 10% undi (bersamaan dengan 1.1 juta undi) telah dibazirkan.

Jika kita ambil contoh senario yang boleh wujud di sesuatu kawasan pilihanraya: katakan dalam satu kawasan pilihanraya dipertandingkan oleh 2 orang calon (calon A dan B), daripada jumlah undi yang dibuang dalam peti undi, calon A mendapat sebanyak 51% undi, manakala calon B mendapat 49% undi, maka calon A akan menang kerusi yang mewakili sepenuhnya kawasan pilihanraya tersebut. Ini bermakna pilihan hampir separuh daripada pengundi di kawasan tersebut, iaitu 49% pengundi yang mengundi untuk calon B, tidak ditunjukkan dalam parlimen.

Ambil satu lagi contoh, katakan adanya 3 orang calon dalam suatu kawasan pilihanraya (calon A, B dan C), calon A mendapat 34% undi, calon B mendapat 33% undi dan calon C mendapat 33% undi, maka calon A muncul sebagai pemenang dan menjadi satu-satunya wakil rakyat untuk kawasan pilihanraya tersebut, walaupun dia hanya memperoleh sokongan lebih sedikit daripada 1/3 jumlah pengundi yang keluar mengundi. 66% undi "dibazirkan" begitu sahaja dalam senario ini.

(C) Mendorong pengundian secara taktikal yang tidak sihat untuk demokrasi

Dalam pertandingan pelbagai penjur, biasanya calon yang merupakan penyandang jawatan ataupun daripada parti yang lebih besar akan mempunyai kelebihan berbanding calon-calon yang lain. Oleh sebabnya wujud masalah berkemungkinan besar undi dibazirkan, maka akan mendorong pengundi untuk mengundi secara taktikal semasa pilihanraya, dan terpaksa mengundi calon yang bukan pilihannya. Pengundian secara taktikal bermakna dalam situasi pertandingan pelbagai penjur (melebihi 2 orang calon), pengundi

akan membuat pertimbangan untuk mengundi calon yang mempunyai peluang yang lebih besar untuk menang, walaupun calon yang berpeluang besar untuk menang itu bukan pilihannya. Undi kepada mana-mana calon yang dianggap tidak berpeluang menang berkemungkinan akan "dibazirkan" ataupun tidak mendatangkan kesan kepada keputusan akhirnya.

Situasi memaksa pengundi untuk mengundi secara taktikal antara 2 orang calon yang paling berkemungkinan untuk menang di bawah sistem FPTP, biasanya akan meminggirkan pandangan politik yang tidak tergolong dalam parti politik aliran utama. Pandangan yang berbeza daripada parti politik aliran utama akan dipinggirkan, dan suara pengundi yang menyokong pandangan politik sebegini juga tidak dapat didengar dalam Parlimen akibat daripada pengundian secara taktikal.

Pengundian secara taktikal akan menafikan kewujudan kepelbagaian pandangan politik dalam Parlimen, sedangkan masyarakat kita pada hakikatnya wujud kepelbagaian dalam banyak aspek. Pengundian secara taktikal yang menyekat kepelbagaian politik ini tidak sihat untuk perkembangan sistem demokrasi di negara kita.

(D) "Gerrymandering".

Satu lagi masalah serius dengan sistem pilihanraya di negara kita yang mengamalkan FPTP adalah kecenderungan untuk parti pemerintah menggunakan kaedah "gerrymandering" bagi menambahkan peluangnya untuk menang lebih kerusi. Ini dilakukan setiap kali persempadanan semula, di mana sempadan kawasan pilihanraya dialihkan supaya boleh memasukkan penyokong parti pemerintah yang berlebihan di sesuatu kawasan pilihanraya ke dalam kawasan pilihanraya yang berjiranan. "Gerrymandering" juga dilakukan untuk mewujudkan lebih kawasan yang boleh dimenangi oleh parti pemerintah, sehingga menambahkan lagi majoriti kerusi parti pemerintah dalam Parlimen.

"Gerrymandering" akan menimbulkan keadaan taburan bilangan pengundi yang tidak samarata, di mana akan wujudnya perbezaan bilangan pengundi yang ketara antara kawasan pilihanraya.

Antara kawasan Parlimen di negara kita, ambil contoh Bangi (P102) dan Putrajaya (P125). Kawasan Parlimen Bangi mempunyai jumlah pengundi sebanyak 178,790 orang; manakala kawasan Parlimen Putrajaya hanya mempunyai jumlah pengundi sebanyak 27,306 orang. Perbezaan pengundi di dua kawasan parlimen ini adalah sebanyak 151,484, lebih 5 kali ganda daripada jumlah pengundi di Putrajaya.

Kawasan Parlimen Bangi mempunyai 6.5 kali ganda pengundi berbanding Putrajaya. Dalam erti kata lain, satu undi untuk seorang pengundi di Putrajaya mempunyai pemberat yang sama dengan undi daripada 6.5 orang pengundi di Kapar. Ini telah melanggar sepenuhnya prinsip "satu orang, satu undi"!

Cadangan untuk Sistem Pengundian Campuran

Kita perlu memperkenalkan unsur-unsur **perwakilan berkadar** (*proportional representation*) dalam sistem pengundian kita.

Sistem perwakilan berkadar akan memastikan taburan kerusi dalam dewan perundangan mencerminkan taburan perolehan undi setiap parti yang bertanding. Jenis sistem perwakilan berkadar yang paling kerap digunakan ialah perwakilan berkadar mengikut senarai parti. Kelemahan dengan sistem perwakilan berkadar mengikut senarai parti adalah berkemungkinan perwakilan dalam dewan perundangan tidak mencerminkan perwakilan mengikut kawasan geografi (kerana sesuatu parti mungkin akan meletakkan semua calonnya dari kawasan pusat bandar); faktor calon tidak diambil kira jika menggunakan kaedah senarai-tertutup (kerana calon mana yang masuk ke dalam dewan perundangan ditentukan oleh senarai calon yang dibuat oleh sesebuah parti).

Sistem Pengundian Campuran merupakan satu alternatif yang sesuai untuk menggantikan kaedah FPTP yang digunakan dalam sistem pengundian kita.

Sistem Pengundian Campuran, ataupun **dua undi untuk satu kawasan pilihanraya**, menggabungkan kedua-dua sistem pengundian majoritarian dan sistem perwakilan berkadar.

Secara mudahnya, di bawah Sistem Pengundian Campuran:

- Seorang pengundi akan diberi dua kertas undi: satu untuk memilih antara calon undi untuk mewakili kawasan, dan satu lagi untuk memilih parti.
- Wakil rakyat untuk kawasan boleh ditentukan melalui cara "undian pemenang undi terbanyak" (FPTP) dan membentuk sebahagian daripada perwakilan dalam dewan perundangan; sementara sebahagian lagi perwakilan ditentukan mengikut taburan undi yang diperoleh setiap parti dalam undi mengikut parti.
- Kaedah ini dapat membolehkan perwakilan mencerminkan undi yang diperoleh di samping memastikan adanya perwakilan dari kawasan geografik yang berlainan.

(sambung di m/s 7)

(sambung dari m/s 6)

Ada dua jenis pilihan untuk Sistem Pengundian Campuran:

Pilihan 1: **Sistem Pengundian Selari** (*Parallel Voting*)

Unsur perwakilan berkadar tidak begitu menonjol dalam sistem ini. Sistem ini digunakan di Itali, Korea Selatan, Jepun dan sebagainya.

Cadangan untuk pelaksanaan di Dewan Rakyat:

- Separuh kerusi dipilih melalui undi mengikut kawasan parlimen, separuh kerusi dipilih melalui undi mengikut senarai parti.
- Wakil rakyat untuk kawasan parlimen ditentukan mengikut kaedah FPTP seperti yang sedia ada, manakala wakil rakyat daripada senarai parti ditentukan mengikut nisbah undi yang diperoleh.
- Kurangkan jumlah kerusi mengikut kawasan parlimen kepada 120, wujudkan 120 kerusi untuk senarai parti. Jumlah kerusi di Dewan Rakyat akan bertambah menjadi 240.
- Ambang batas (*threshold*) perolehan undi untuk mendapatkan kerusi dalam Dewan Rakyat melalui undi senarai parti ialah 1%, iaitu mana-mana parti yang mendapat peratusan undi keseluruhan sebanyak 1% atau lebih dalam undian senarai parti akan mendapat sekurang-kurangnya 1 kerusi dalam Dewan Rakyat.

Pilihan 2: **Sistem Perwakilan Berkadar Campuran-Ahli** (*Mixed-member Proportional Representation, MMP*).

Sistem ini akan lebih bersifat perwakilan berkadar berbanding Sistem Pengundian Selari. MMP digunakan dalam sistem pilihanraya di Jerman, Bolivia dan New Zealand.

Cadangan untuk pelaksanaan di Dewan Rakyat:

- Jumlah kerusi yang dipilih melalui undian mengikut kawasan Parlimen dikurangkan kepada 120. Jumlah kerusi yang dipilih melalui undian mengikut senarai parti sekurang-sekurangnya 120 dan boleh diselaraskan mengikut keadaan sehingga 180, iaitu jumlah kerusi maksimum dalam Dewan Rakyat adalah 300.
- Ambil contoh, katakan adanya 3 parti bertanding untuk semua kerusi Parlimen, Parti A, B dan C:
 - ⇒ Dalam undian mengikut kawasan Parlimen (melalui kaedah FPTP di semua kawasan), Parti A menang 84 kerusi dan Parti B menang 36 kerusi, sementara Parti C tidak memenangi apa-apa kerusi.
 - ⇒ Dalam undian mengikut senarai parti pula, Parti A mendapat 40% undi, Parti B 40% dan Parti C 20%.
 - ⇒ Jika mengikut Sistem Pengundian Selari, pengagihan kerusi mengikut perolehan undi senarai parti adalah Parti A dapat 48 kerusi, Parti B dapat 48 kerusi dan Parti C dapat 24 kerusi, tetapi pengagihan kerusi keseluruhan tidak mencerminkan perolehan undi mengikut senarai parti yang sebenar (Parti A – 132 kerusi - 55%, B – 84 kerusi - 35%, C – 24 kerusi - 10%)

- ⇒ Untuk mencapai pengagihan kerusi yang mengikut perwakilan berkadar yang lebih adil, pelarasan dilakukan terhadap pengagihan kerusi mengikut senarai parti dengan meningkatkan jumlah kerusi mengikut senarai parti kepada 160, di mana Parti A hanya dapat 28 kerusi, Parti B dapat 76 kerusi dan Parti C dapat 56 kerusi. Maka, jumlah kerusi dalam Dewan Rakyat bertambah kepada 280 kerusi dengan pengagihan kerusi akan menjadi lebih adil, iaitu Parti A – 112 kerusi – 40%, Parti B – 112 kerusi – 40%, dan Parti C – 56 kerusi – 20%.

- ⇒ Ambang batas (*threshold*) perolehan undi untuk mendapatkan kerusi dalam Dewan Rakyat ialah 1% daripada undi mengikut senarai parti.

Perwakilan Berkadar untuk Dewan Negara

Sistem pengundian perwakilan berkadar juga boleh digunakan untuk perlantikan Senator dalam Dewan Negara.

Tidak perlunya wujud satu lagi kertas undi untuk tujuan ini. Pengagihan kerusi Dewan Negara boleh dibuat mengikut nisbah undi dalam kertas undi senarai parti.

Dana untuk parti politik

Dengan adanya undi mengikut senarai parti dalam Sistem Pengundian Bercampur, negara kita juga boleh mewujudkan sistem pembiayaan untuk parti politik dengan menggunakan dana kerajaan, di mana pengagihan dana kepada parti politik boleh disalurkan mengikut peratusan undi yang diperoleh dalam undian mengikut senarai parti.

Cadangan untuk pendanaan awam untuk parti politik adalah setiap undi kepada sesuatu parti dalam kertas undi mengikut senarai parti akan membolehkan parti berkenaan mendapat RM 10 setiap tahun sehingga pilihanraya seterusnya. Misalnya, jika sebuah parti (sama ada parti pemerintah ataupun parti pembangkang) mendapat jumlah 100,000 undi, maka ia layak mendapat RM 1 juta setiap tahun.

Pada takat ini, terdapatnya hampir 15 juta pengundi yang berdaftar di Malaysia. Jikalau campur semua yang layak mengundi pun, negara kita adanya lebih kurang 19 juta orang pengundi yang layak. Jika semua pengundi membuang undi semasa pilihanraya umum, maka bermakna sebanyak RM 190 juta diperlukan sebagai peruntukan untuk semua parti politik yang layak setiap tahun.

Ini dapat menghindarkan masalah penyaluran dana daripada korporat kepada parti politik yang mewujudkan budaya politik yang tidak sihat.

Perubahan menyeluruh dalam sistem pilihanraya

Perubahan terhadap sistem pengundian perlu dijadikan salah satu agenda utama dalam pembaharuan institusi di negara kita. Kita perlukan sistem pilihanraya yang lebih sempurna untuk memperdalamkan politik demokrasi

(sambung dari m/s 5)

Di negeri Pulau Pinang, selepas Pakatan Rakyat mengambil alih kuasa pentadbiran pada tahun 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah untuk memulihkan pilihanraya tempatan. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan Enakmen Pilihanraya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012, tetapi pilihanraya tidak dapat diadakan kerana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) enggan memberi komitmen untuk melaksanakan pilihanraya. Kerajaan Negeri Pulau Pinang kemudiannya menyaman Kerajaan Pusat dan SPR ke Mahkamah Persekutuan, namun Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan untuk mengadakan pilihanraya di Pulau Pinang dalam satu keputusan pada Ogos 2014.

Kerajaan Negeri Selangor di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat juga pernah merancang untuk mengadakan pilihanraya tempatan secara berperingkat.

PRU-14 telah menyaksikan kemenangan besar Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan dan di banyak buah negeri. Harapan untuk memulihkan undi di peringkat Kerajaan Tempatan telah kembali semula. Seruan untuk pilihanraya tempatan juga semakin kuat, daripada masyarakat sivil sehinggalah wakil rakyat Pakatan Harapan.

Bagaimana pulihkan pilihanraya tempatan?

Penghalang utama untuk mengadakan pilihanraya tempatan adalah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan tajuk “Peruntukan perhubungan dengan pilihanraya kerajaan tempatan terhenti mempunyai kesan” menyatakan bahawa, “walau apapun yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, semua peruntukan perhubungan dengan pilihanraya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuatkuasa atau mempunyai kesan”.

Oleh itu, bagi membolehkan pilihanraya tempatan dapat dikembalikan, Seksyen 15 Akta

supaya menjamin kepentingan rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Oleh yang demikian, perubahan penting yang perlu dilakukan terhadap sistem pilihanraya kita harus merangkumi perkara berikut:

- Gantikan sistem “undian pemenang undi terbanyak” (FPTP) dengan sistem pengundian yang lebih adil, iaitu **Sistem Pengundian Bercampur**, sama ada **Sistem Pengundian Selari** atau **Sistem Perwakilan Berkadar Campuran-Ahli**.
- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang bebas sepenuhnya.
- Kurangkan umur mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun.
- Tempoh penamaan calon dipanjangkan.
- Tempoh minimum 21 hari untuk kempen pilihanraya.

Kerajaan Tempatan 1976 perlu dimansuhkan. Sementara itu, Seksyen 9 dan 10 akta yang sama ini, berkenaan dengan kuasa kerajaan negeri memberi arahan kepada kerajaan tempatan dan juga perlantikan ahli majlis, perlu dipinda sekiranya ingin memulihkan pilihanraya. Pindaan terhadap Akta Kerajaan Tempatan 1976 hanya memerlukan majoriti lebih 50% dalam Dewan Rakyat. Pakatan Harapan sekarang ini telah menguasai lebih 50% kerusi dalam Dewan Rakyat dan sepatutnya pindaan terhadap Akta ini dapat diluluskan dengan mudah.

Enakmen Pilihanraya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012 juga boleh dijadikan contoh rujukan untuk negeri-negeri yang ingin menggubal enakmen untuk membolehkan pelaksanaan pilihanraya tempatan.

Walau bagaimanapun, beberapa isu berkaitan dengan pilihanraya tempatan seperti logistik perjalanan pilihanraya, sistem pengundian yang digunakan, senarai pengundi dan sebagainya perlu diselesaikan sebelum mengadakan pilihanraya. Sekiranya perlu mendapatkan input yang bernas untuk membolehkan pilihanraya tempatan diadakan dengan licinnya, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan boleh melakukan usaha memungut pendapat daripada masyarakat sivil; ataupun Dewan Rakyat menubuhkan Jawatan Pemilihan Parlimen untuk memungut pendapat daripada seluruh rakyat Malaysia.

Kembalikan pilihanraya tempatan

Malaysia telah melangkah ke era baru dengan kejatuhan rejim UMNO-BN yang menjadi penghalang kepada perkembangan demokrasi di negara kita. Oleh itu, ruang untuk rakyat menentukan nasib kita bersama melalui proses demokrasi sepatutnya terbuka luas. Pemulihan pilihanraya tempatan merupakan satu langkah yang penting untuk memperluaskan ruang demokrasi dan memperdalamkan proses pembaharuan masyarakat kita.

Institusi demokrasi di negara kita hanya akan disempurnakan dengan adanya pilihanraya kerajaan tempatan. ##

- Pendaftaran pengundi secara automatik (iaitu seseorang warganegara akan menjadi pengundi secara automatik apabila umurnya mencecah umur layak mengundi).
- Wujudkan kawasan pilihanraya untuk warganegara Malaysia yang menetap di luar negara, supaya warganegara yang menetap di luar negara juga boleh memilih wakil rakyat yang benar-benar dapat membawa suara mereka dalam Parlimen.
- Perbelanjaan kempen pilihanraya untuk semua parti dibiayai sepenuhnya melalui dana awam kerajaan (supaya membendung segala sumbangan dana daripada pihak korporat swasta).
- Akses kepada media massa yang samarata untuk semua parti. Siaran debat perdana antara pemimpin semua parti yang bertanding. ##

Tsunami pengundi jatuhkan rejim BN

9 Mei 2018 merupakan satu hari yang bersejarah untuk Malaysia, apabila rakyat negara ini akhirnya berjaya menjatuhkan pemerintahan rejim UMNO-BN yang sudah berkuasa selama enam dekad, melalui pilihanraya.

Namun, yang peliknya adalah "Malaysia Baru" selepas kejatuhan UMNO-BN, dipimpin oleh Perdana Menteri ke-7 yang juga merupakan Perdana Menteri ke-4 negara kita, Mahathir Mohamad, orang yang paling lama memegang jawatan Perdana Menteri dalam sejarah Malaysia.

Walaupun masih terdapatnya pelbagai penyelewengan dalam proses pilihanraya, termasuklah manipulasi oleh golongan pemerintah sebelum ini melalui persempadanan semula kawasan pilihanraya yang bertujuan untuk meningkatkan peluang kemenangan UMNO-BN, tetapi keinginan untuk menolak UMNO-BN dan mencari perubahan melalui peti undi itu begitu hebat sekali, sehingga calon-calon BN kalah di banyak tempat.

Satu tsunami pengundi telah melanda dalam PRU-14. Kerusi yang dikuasai Barisan Nasional (BN) telah berkurang daripada 133 pada PRU-13 kepada 79 pada kali ini. Persempadanan semula kawasan pilihanraya yang dibuat sebelum PRU-14 gagal menyelamatkan BN, kerana kawasan yang dianggap boleh dimenangi BN turut jatuh dalam tangan Pakatan Harapan.

Pakatan Harapan yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) telah memenangi sebanyak 113 kerusi. Tambahan pula dengan 8 kerusi yang dimenangi Parti Warisan Sabah (WARISAN) dan satu kerusi lagi yang dimenangi oleh calon bebas yang disokong oleh Pakatan Harapan setelah Tian Chua ditolak penamaan calonnya, Pakatan Harapan telah menguasai 122 daripada 222 kerusi ketika keputusan diumumkan pada awal pagi 10 Mei lalu. Calon-calon Pakatan Harapan bertanding dengan menggunakan logo bersama, iaitu logo PKR, di semua kawasan yang

ditandingi mereka di Semenanjung Malaysia, setelah pendaftaran Pakatan Harapan dihalang dan PPBM pula digantung oleh Pendaftaran Pertubuhan (ROS) sebelum berlangsungnya PRU.

Selain pentadbiran di peringkat Persekutuan, kuasa pentadbiran di negeri seperti Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah, Perak dan Sabah turut jatuh dalam tangan Pakatan Harapan. Sementara itu, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) turut mendapat pencapaian yang di luar jangkaan ramai penganalisis politik apabila berjaya menawan negeri Terengganu di samping dapat mempertahankan negeri Kelantan dengan kerusi DUN yang lebih banyak.

Barisan Nasional bukan sahaja kehilangan kuasa di peringkat Persekutuan, malah sedang berada di ambang kehancuran, apabila kebanyakan parti komponennya telah keluar daripada gabungan parti politik yang telah memerintah negara kita dalam bentuknya yang terbaru ini sejak tahun 1973. Parti-parti komponen yang menganggotai BN di Sarawak sebelum ini telah membentuk Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang terdiri daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP). Parti Gerakan Rakyat Malaysia juga memutuskan untuk keluar dari BN. BN sekarang ini hanya tinggal UMNO, MCA dan MIC, di mana MCA dan MIC hanya tinggal satu dan dua kerusi masing-masing dalam Dewan Rakyat. UMNO masih menguasai 54 kerusi dalam Dewan Rakyat, tetapi tidak lagi dapat buat apa-apa untuk mengembalikan kuasanya lagi. Najib Razak yang dihantui dengan pelbagai skandal sedang disiasat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai skandal penyelewengan wang 1MDB.

Terdapat banyaknya faktor yang kompleks membawa kepada



kejatuhan rejim UMNO-BN dalam PRU-14, antaranya:

- Kemarahan rakyat yang timbul dan tertimbun hebat akibat daripada tekanan hidup yang semakin membebankan. Rakyat tidak berpuas hati dengan kenaikan kos hidup, gaji rendah dan hutang yang membebankan. Pelaksanaan cukai GST turut memburukkan keadaan untuk rakyat biasa. Keputusan pilihanraya di mana majoriti rakyat menolak BN adalah letusan kemarahan ini.
- Rejim UMNO-BN yang dipimpin oleh Najib Razak semakin hari semakin hilang kewibawaan kerana skandal yang berterusan, termasuklah skandal penyelewengan 1MDB yang mendapat perhatian antarabangsa. Memang memalukan rakyat dan menimbulkan ketidakpuasan hati yang lebih serius lagi.
- Taktik kotor yang cuba digunakan oleh rejim Najib untuk menyelamatkan dirinya itu nampaknya bukan sahaja tidak berguna, malah mengundang reaksi yang lebih hebat lagi daripada rakyat. Penukaran pegawai tinggi dalam badan penguatkuasaan, penggubalan rang undang-undang berita palsu yang jelasnya cuba menyekat kebebasan bersuara, persempadanan semula kawasan pilihanraya dan sebagainya, yang dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa, hanya menunjukkan ketidakpercayaan rejim Najib terhadap kedudukannya.

Sehingga sehari sebelum membuang undi, Najib masih amat terdesak untuk menarik undi sokongan dengan mengemukakan janji gula-gula pilihanraya yang nampaknya tidak dapat lagi membantunya untuk menang.

- Faktor Mahathir yang keluar dari UMNO dan muncul sebagai pemimpin utama Pakatan Harapan. Mahathir dan puak elit yang keluar dari UMNO telah diangkat sebagai penyelamat oleh golongan pembangkang aliran utama. Walaupun mengundang pelbagai kontroversi dan kritikan, tetapi kepimpinan Mahathir telah memperkuatkan kedudukan Pakatan Harapan sebagai satu-satunya kuasa yang mampu menggantikan UMNO-BN. Banyak kawasan kubu kuat UMNO di Pantai Barat dipengaruhi oleh faktor Mahathir sehingga lebih banyak kawasan jatuh dalam tangan Pakatan Harapan di kawasan-kawasan ini.

Namun, "Tsunami Melayu" yang dihebahkan oleh penyokong Pakatan Harapan sebelum PRU-14 mewujudkan satu fenomena yang aneh, di mana ramai pengundi Melayu di kawasan Pantai Barat Semenanjung telah bersatu untuk menolak UMNO bersama Mahathir, sedangkan ramai pengundi Melayu di Pantai Timur Semenanjung pula bersatu menolak kedua-dua UMNO dan Mahathir dengan menyokong PAS. Sokongan untuk UMNO-BN memang merosot dengan hebatnya, tetapi bukannya semua undi menolak UMNO pergi kepada Pakatan Harapan, kerana PAS juga mendapat pencapaian yang agak mengejutkan walaupun bertanding secara sendiri.

(sambung di m/s 9)



(sambung dari m/s 8)

Suasana baru, cabaran baru

Peralihan kuasa di peringkat Persekutuan akhirnya berlaku. Ini menandakan satu detik sejarah yang amat bermakna pada perjuangan demokrasi di negara kita. Namun, situasi dan suasana politik yang baru ini juga membawa cabaran yang baru.

Kerajaan baru dengan Perdana Menteri lama, ini merupakan satu manifestasi bahawa kuasa untuk perubahan sebenar masih belum cukup kuat dan perlu bergantung pada kuasa yang terikat dengan sistem pentadbiran lama. Kita boleh menjangkakan bahawa akan berlakunya perebutan kuasa antara golongan elit politik dalam kerajaan baru, sama ada untuk menentukan halatujua pembaharuan politik ataupun hanya sekadar mendapatkan kuasa dalam rejim baru. Proses pembaharuan masyarakat juga pastinya akan berdepan dengan pelbagai halangan daripada kuasa pemerintahan yang lama dan juga golongan yang berkepentingan dalam sistem yang sedia ada.

Pakatan Harapan (PH) telah menggariskan "sepuluh janji seratus hari" dalam Buku Harapan, manifesto PH untuk PRU-14. Janji utama ialah menghapuskan GST, di mana kadar GST telah diturunkan kepada 0% mulai 1 Jun lalu, sebagai langkah menuju pemansuhan GST dan mengembalikan semula sistem cukai SST sebelum ini. Kos sara hidup rakyat biasa masih satu masalah yang serius dan PH perlu mengambil tindakan yang konkrit dalam masa terdekat untuk memperkenalkan lebih banyak inisiatif peduli rakyat yang mampu mengurangkan kos sara hidup.

Selain pemansuhan GST, janji seratus hari PH termasuk menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar; menghapuskan hutang-hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka FELDA; memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah; memulakan proses meningkatkan gaji minimum; menagguhkan pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang mendapat gaji kurang dari RM4000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam; memperkenalkan Skim Peduli Sihat dengan memberi RM500 pembiayaan untuk rawatan asas di klinik swasta berdaftar untuk golongan B40; serta melancarkan kajian terperinci mengenai projek-projek mega yang dianugerahkan kepada negara asing.

Manifesto PH juga menjanjikan pengurangan kuasa Perdana Menteri (seperti menghadkan tempoh perantukan PM kepada 2 penggal), pemansuhan undang-undang yang zalim, penyiataan yang menyeluruh terhadap skandal 1MDB, menubuhkan Suruhanjaya Peluang Pekerjaan Saksama, mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti, dan sebagainya. Terdapat 60 janji utama telah disenaraikan dalam Buku Harapan.

Dengan PH membentuk kerajaan baru, kita perlu memastikan janji-janji yang memanfaatkan rakyat akan dilaksanakan oleh kerajaan PH yang baru. Usaha meningkatkan kualiti kehidupan rakyat biasa dan memperdalamkan proses demokrasi, adalah penting untuk membentuk sebuah masyarakat yang lebih sejahtera.

Akan tetapi, rakyat tidak boleh mengharapkan elit politik yang memegang kuasa itu melaksanakan dasar yang memanfaatkan rakyat tanpa berbuat apa-apa. Kita perlu sentiasa mempertingkatkan kesedaran rakyat dan memobilisasi masyarakat kita dari bawah untuk mendesak kerajaan supaya melindungi hak dan kepentingan rakyat biasa.

"Tsunami" politik yang muncul dalam PRU-14 sehingga menjatuhkan rejim BN, sebahagian besarnya adalah daripada sentimen rakyat yang amat tidak berpuas hati dengan rejim BN dan bertimbunan untuk bertahun-tahun lamanya. Sentimen rakyat yang hebat dapat menjatuhkan sebuah rejim, tetapi sekadar sentimen yang boleh muncul dan hilang begitu sahaja adalah tidak mencukupi untuk membina sebuah masyarakat yang baru. Sentimen rakyat yang tidak berpuas hati dengan keadaan semasa, bukannya lagi kesedaran rakyat untuk mengubah nasib sendiri secara bersama.

Sekiranya kita ingin menjadikan detik perubahan rejim yang bersejarah ini sebagai satu permulaan untuk membawa perubahan masyarakat yang sebenar, kita perlu membina kesedaran rakyat yang sebenar, melalui pendidikan politik yang berterusan dan organisasi masyarakat dari bawah.

Malaysia sedang menghadapi keadaan politik yang baru. Sememangnya cabarannya masih hebat. Namun, ruang untuk perubahan selanjutnya sudahpun dibuka. Yang mustahak adalah sama ada rakyat dapat mempergunakan ruang yang terbuka ini untuk memajukan agenda perjuangan rakyat demi demokrasi dan keadilan sosial. ##

Apa yang perlu buat selepas tukar kerajaan?

Perkara yang perlu dilakukan selepas perubahan rejim:

1. Memperkuatkan masyarakat sivil yang membawa tuntutan rakyat untuk perubahan sosial

- Masyarakat sivil merupakan tunjang kepada pembaharuan masyarakat. Masyarakat sivil yang diorganisasi secara sektoral ataupun mengikut isu-isu sosial yang dibawa perlu diperkuatkan lagi dan bebas daripada kongkongan golongan berkuasa, demi mewujudkan sebuah masyarakat demokratik yang sebenar.

2. Pastikan kerajaan baru melaksanakan janji-janji untuk pembaharuan

- Rakyat memilih kerajaan baru kerana inginkan pembaharuan untuk institusi demokrasi negara kita yang telah dihancurkan oleh golongan berkuasa yang bersifat kleptokratik. Pelaksanaan janji-janji pilihanraya adalah kayu ukur yang penting untuk memastikan kerajaan baru itu benar-benar membawa aspirasi rakyat ke depan.

3. Wujudkan semak dan imbang yang berkesan

- Mana-mana pihak yang memegang kuasa akan berkecenderungan untuk melakukan penyelewengan. Oleh itu, kita perlukan organisasi masyarakat yang sedar untuk sentiasa memantau dan menyemak golongan berkuasa supaya tidak berlakunya salahguna kuasa atau penyelewengan. Kita perlu mewujudkan mekanisme semak dan imbang yang berkesan, dengan cara membina kesedaran politik rakyat.

4. Hindarkan amalan mengagung-agungkan seseorang pemimpin

- Amalan mengagung-agungkan seseorang pemimpin boleh mewujudkan rejim pemerintahan yang angkuh. Rakyat perlu sedar bahawa kuasa rakyat itulah yang menggerakkan perubahan, bukannya bergantung pada elit pemerintah.

5. Bina kesedaran rakyat

- Masyarakat kita perlukan rakyat yang celik politik dan berkesedaran politik yang tinggi untuk membawa kemajuan yang benar-benar memanfaatkan semua.

6. Bina kuasa kiri untuk mempertahankan kepentingan rakyat biasa

- Kuasa politik kiri yang mampu mencabar kekuasaan elit yang rapat dengan golongan korporat besar adalah amat penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat biasa dilindungi daripada ancaman sistem sosio-ekonomi yang membiak ketidaksamarataan.



Demam bola lagi?

Demam bola melanda seluruh dunia baru-baru ini dengan pertandingan bola sepak Piala Dunia yang berlangsung di Rusia. Pertandingan Piala Dunia Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) merupakan acara sukan yang ditonton paling ramai orang di dunia, termasuklah Malaysia di mana pasukan negara kita tidak pernah layak ke pusingan akhir Piala Dunia. Walaupun pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan Piala Dunia jauh lebih kurang berbanding Sukan Olimpik, tetapi Piala Dunia masih merupakan kejohanan sukan yang paling popular.

Asal usul sukan bola sepak moden

Permainan bola sepak mempunyai sejarah yang lama. Permainan yang melibatkan sebiji bola sudah wujud lebih 3000 tahun dahulu dalam tamadun Amerika Tengah. Permainan bola yang melibatkan penggunaan kaki untuk menyepak bola wujud di negara China seawal 2000 tahun dahulu, dan dikenali sebagai "cuju". Namun, permainan *cuju* sebagai aktiviti masa lapang ini hanya terhad kepada golongan tentera dan kelas atasan masyarakat pada masa itu. Permainan bola dalam pelbagai bentuk wujud di tempat berlainan dengan format dan cara permainan yang berbeza sepanjang sejarah tamadun manusia.

Permainan bola sepak zaman moden bermula di England, bekas penjajah negara Malaysia. Kelab bola sepak yang terawal ditubuhkan pada tahun 1824 di Edinburgh, Scotland, dikenali sebagai "Foot-Ball Club", tetapi bola sepak yang dimainkan kelab ini berbeza dengan bola sepak moden yang kita tahu sekarang. Peraturan sukan bola sepak moden mula wujud pada pertengahan abad ke-19 di kalangan golongan elit yang bermain bola sepak di universiti dan kolej. Persatuan bola sepak yang pertama di dunia ditubuhkan pada tahun 1863 di London, England. Golongan aristokrat menganjurkan dan menetapkan peraturan untuk permainan bola sepak, tetapi kelas bawahan pula semakin ramai terlibat dalam sukan ini, sama ada sebagai pemain ataupun penonton di tepi padang bola.

Karl Marx menulis kenyataan bahawa "agama adalah candu masyarakat" pada tahun 1843, tetapi kenyataan ini menjadi begitu ketinggalan zaman setengah abad kemudian di negara di mana jenazah Karl Marx dikebumikan, kerana permainan bola sepak telah menggantikan agama Kristian sebagai "candu masyarakat" di England pada penghujung abad ke-19.

Dengan perkembangan Revolusi Industri yang hebat di negara Britain, sukan bola sepak mula berkembang pesat sebagai hiburan utama untuk golongan lelaki kelas pekerja di Britain. Kelab bola sepak ditubuhkan di pusat-pusat perindustrian di negara Britain. Misalnya, kelab Manchester United berasal daripada kelab bola sepak yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja di syarikat Landasan Keretapi Lancashire dan Yorkshire (L&YR); Arsenal FC

pada asalnya merupakan kelab bola sepak yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja di kilang senjata di kawasan tenggara London; sementara Liverpool FC walaupun berasal daripada perpecahan Everton FC yang ditubuhkan oleh anggota jemaah gereja St Domingo Methodist New Connexion, tetapi mendapat sokongan di kalangan pekerja yang tertumpu di bandar pelabuhan Liverpool.

Perkembangan jaringan landasan keretapi membolehkan kelab-kelab atau pasukan-pasukan bola sepak di bandar-bandar perindustrian utama bergerak ke bandar lain untuk bermain dengan kelab bola sepak yang lain.

Sukan bola sepak moden berkembang di tempat-tempat lain dengan warga British yang menjelajah ke seluruh dunia, seperti di Sepanyol dan Amerika Selatan, sehingga minat terhadap sukan bola sepak di kalangan rakyat tempat berkenaan pun meningkat dengan hebatnya.

Pada awalnya, sukan bola sepak hanya sekadar permainan masa lapang, tetapi telah berkembang kepada sesuatu yang dapat menjana pendapatan untuk pemain-pemainnya dengan menjual tiket masuk ke gelanggang bola sepak. Maka, wujudnya permainan bola sepak yang bersifat profesional, iaitu pemain bola sepak itu bermain bola sebagai pekerjaannya untuk menjana pendapatan.

Pada tahun 1870-an dan 1880-an apabila sukan bola sepak semakin menarik minat orang ramai, pemain profesional diharamkan di England dan Scotland, tetapi apabila kelab di utara England mula mengupah pemain-pemain dari Scotland pada tahun 1880-an, pemain profesional pun semakin diterima dan dibenarkan.

Seperti banyak perkara dalam masyarakat yang bersifat patriarki, wanita juga dikecualikan ataupun dilarang untuk mengambil bahagian dalam permainan bola sepak untuk satu masa yang panjang. Permainan bola sepak wanita menjadi popular dalam skala besar ketika Perang Dunia I, apabila semakin ramai wanita diupah bekerja dalam industri berat di Britain.

Sejarah ringkas Piala Dunia

Apabila pertandingan bola sepak di peringkat antarabangsa semakin mendapat sambutan, Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) ditubuhkan pada tahun 1904 di Paris, Perancis. Pengasas FIFA termasuklah persatuan-persatuan bola sepak kebangsaan Belgium, Denmark, Perancis, Belanda, Sweden dan Switzerland. Sepanyol pada ketika itu diwakili oleh Kelab Bola Sepak Real Madrid (kerana persatuan kebangsaan bola sepak Sepanyol tidak wujud sehingga tahun

1913), sementara Persatuan Bola Sepak Jerman (DFB) pula menyatakan hasratnya untuk bersekutu dengan FIFA hanya melalui telegram pada masa itu.

Sukan bola sepak dimasukkan sebagai salah satu acara sukan dalam Sukan Olimpik Musim Panas pada tahun 1900 dan 1904. Selepas FIFA ditubuhkan, FIFA diamanahkan untuk menyelia pertandingan bola sepak dalam Sukan Olimpik tahun 1908. Permainan bola sepak di Sukan Olimpik dihadkan sebagai pertandingan untuk pemain-pemain amatir.

Wujudnya ketidaksepakatan antara FIFA dan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) berkenaan dengan permainan bola sepak dalam Sukan Olimpik, termasuk isu berkenaan dengan pemain profesional. FIFA membuat keputusan pada tahun 1928 untuk menganjurkan pertandingan antarabangsanya sendiri, sementara Sukan Olimpik 1932 di Los Angeles tidak memasukkan bola sepak sebagai salah satu acaranya dengan alasan sukan tersebut kurang mendapat sambutan di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, Pertandingan Bola Sepak Piala Dunia FIFA yang pertama diadakan pada tahun 1930, di Uruguay.

Uruguay dipilih sebagai tuan rumah untuk Pertandingan Piala Dunia yang pertama kerana pasukan kebangsaan Uruguay merupakan juara pertandingan bola sepak dalam Sukan Olimpik pada tahun 1924 dan 1928. Di samping itu, Pertandingan Piala Dunia tersebut juga bersempena dengan sambutan ulangtahun ke-100 kelahiran Perlembagaan Pertama Uruguay selepas kemerdekaannya.

Piala Dunia ke-2 pada tahun 1934 diadakan di Itali yang diperintah oleh Benito Mussolini yang berpegang pada fahaman fasisme. Kerajaan Mussolini telah mempergunakan pertandingan Piala Dunia sebagai alat propaganda fasisnya. Mussolini menggunakan kesempatan sebagai tuan rumah dan kemenangan pasukan bola sepak Itali untuk menunjukkan kehebatan rejim fasisnya. Begitu juga pada tahun 1938 apabila pasukan Itali bermain di Perancis, dalam perlawanan suku akhir menentang pasukan tuan rumah Perancis, pasukan Itali atas arahan Mussolini memakai baju hitam untuk satu-satu kalinya dalam sejarah bola sepak negara itu, dan anggota pasukan Itali memberi tabik fasis semasa permainan. Mussolini juga memberi amaran bahawa "menang atau mati" kepada pemain Itali. Ini memang merupakan detik hitam sejarah Piala Dunia.

Piala Dunia tahun 1966 yang diadakan di England merupakan Piala Dunia yang pertama kali



menggunakan pemasaran secara besar-besaran untuk kejohanan tersebut, dengan adanya maskot dan logo rasmi untuk kali pertama dalam sejarah Piala Dunia.

Piala Dunia tahun 1978 yang diadakan di Argentina, telah digunakan oleh kerajaan tentera yang berkuasa melalui kudeta pada tahun 1976 untuk propaganda memutihkan imej kezaliman pemerintahannya. Lebih 30,000 orang mati dibunuh atau "hilang" sepanjang tempoh "Perang Kotor" (1976-1983) di mana rejim tentera berhaluan kanan memburu pembangkang dan aktivis berhaluan kiri dengan cara yang kejam.

Dalam perlawanan suku akhir Piala Dunia pada tahun 1986, apabila Argentina bertembung dengan England (dengan Argentina menang 2-1), Diego Maradona menjaringkan gol pertama Argentina yang penuh kontroversi dengan tangannya (Maradona amat bernaib baik kerana belum adanya teknologi VAR pada masa itu), dan kemudian menjaringkan gol terhebatnya dengan membawa bola sejauh separuh padang sambil melepasi 5 orang pemain England sebelum menjaringkan gol tersebut. Argentina muncul sebagai juara Piala Dunia tahun itu selepas mengalahkan Jerman Barat dengan jaringan gol 3-2 dalam perlawanan akhir.

Pasukan Asia yang pertama menyertai Piala Dunia ialah Indonesia (dikenali sebagai Hindia Timur Belanda) pada tahun 1938, tetapi masih dijajah oleh Belanda pada masa itu. Korea Selatan merupakan pasukan Asia yang paling banyak kali melayakkan diri ke Piala Dunia, iaitu sebanyak 10 kali antara tahun 1954 hingga 2018. Korea Selatan juga merupakan pasukan Asia dengan pencapaian terbaik dalam Piala Dunia, menduduki tempat ke-4 pada tahun 2002. Korea Utara pula merupakan pasukan Asia yang pertama memasuki peringkat suku akhir Piala Dunia, pada tahun 1966. Negara Malaysia tidak pernah melayakkan diri ke pertandingan Piala Dunia sehingga kini.

Pasukan kebangsaan Brazil merupakan penyandang juara Piala Dunia yang paling banyak kali, iaitu sebanyak 5 kali (pada tahun 1958, 1962, 1970, 1994 dan 2002), diikuti dengan Jerman dan Itali yang masing-masing menjadi juara sebanyak 4 kali. Sehingga tahun 2014, hanya 8 pasukan kebangsaan pernah menyandang juara Piala Dunia (iaitu Brazil, Jerman, Itali, Argentina, Uruguay, Sepanyol, England dan Perancis).

(sambung di m/s 11)

Apa yang anda perlu tahu tentang Piala Dunia?

(sambung dari m/s 10)

Seperti Sukan Olimpik, Piala Dunia tidak kurang masalah dan kontroversinya.

Lebih-lebih lagi, dengan perkembangan globalisasi sistem kapitalis, sukan yang pada asalnya bertujuan untuk kesihatan dan hiburan masa lapang telah menjadi satu cara untuk menggandakan keuntungan segolongan kecil yang bermodal, berkuasa dan berpengaruh. Sukan bola sepak juga tidak berkecuali daripada ini.

Setiap kali berlangsungnya temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik ataupun Piala Dunia, kerajaan negara tuan rumah pastinya akan membina gelanggang sukan dan stadium yang baru, supaya menonjolkan wajah “kemakmuran” negara tuan rumah di hadapan mata rakyat sedunia. Namun, akibatnya adalah pekerja dan penduduk tempatan yang miskin menjadi mangsa kepada “kejayaan” tuan rumah.

Wang berbilion-bilion dibelanjakan untuk menganjurkan Piala Dunia, dan yang menanggung kesan perbelanjaan wang ini biasanya adalah rakyat biasa di negara tuan rumah. Walau bagaimanapun, penganjuran Piala Dunia bukanlah sesuatu yang merugikan untuk sesetengah pihak. Piala Dunia dapat menjana pulangan wang yang lumayan melalui penajaan korporat dan jualan hak penyiaran TV, di mana semua wang ini akan masuk ke dalam poket FIFA sendiri.

Afrika Selatan 2010

Sebelum berlangsungnya Piala Dunia 2010, seramai 70,000 pekerja pembinaan yang sedang membina stadium baru pada masa itu mengadakan mogok pada bulan Julai 2009, atas sebab ramai pekerja tidak dibayar mengikut upah yang dijanjikan.

Ratusan pengawal keselamatan di Afrika Selatan berprotes pada bulan Jun 2010 kerana ditipu oleh FIFA. Penganjur Piala Dunia pada asalnya menjanjikan upah harian sebanyak Rand 1500 (bersamaan RM 445) sehari, tetapi mereka hanya dibayar sebanyak Rand 190 (RM 56) sehari. Pekerja yang tidak berpuas hati dengan penipuan ini melancarkan aksi mogok. Sebanyak 5 tempat perlawanan dijejaskan oleh aksi mogok. Adanya pekerja yang duduk bantah di luar stadium dan menghalang penonton daripada masuk ke situ, sehingga berlakunya pergaduhan dengan polis. Kerajaan Afrika Selatan mengerahkan anggota polis untuk menggantikan kerja pekerja keselamatan ini.

Pemandu bas juga melancarkan aksi mogok kerana tidak berpuas hati dengan penganjur yang mengubah jadual perjalanan secara suka hati dan pemandu bas menuntut bayaran upah tambahan untuk perubahan jadual perjalanan. Aksi mogok tersebut menyebabkan sebahagian penonton tersangkut di stadium.

Walaupun sistem apartheid telah

dimansuhkan di Afrika Selatan pada tahun 1991, tetapi pekerja bawahan masih mendapat layanan yang tidak adil dari segi ekonomi. Seramai 3,000 aktivis komuniti di Durban mengadakan protes jalanan, membantah pembaziran wang kerajaan dalam penganjuran Piala Dunia. Banyak wang rakyat dibelanjakan untuk menganjurkan Piala Dunia, sedangkan masalah perumahan dan pengangguran yang dihadapi rakyat biasa Afrika Selatan tidak dipedulikan oleh kerajaan.

Brazil 2014

Bagi tujuan membina stadium dan kemudahan untuk Piala Dunia, sebahagian besar penempatan warga miskin kota (digelar sebagai *favela*) di Rio de Janeiro telah diusir secara paksa oleh pihak berkuasa. Beribu-ribu rumah warga miskin kota dirobohkan dan mereka kehilangan tempat tinggal. Sebelum berlangsungnya upacara perasmian Piala Dunia, polis tentera dikerahkan untuk berkawal di sebahagian kawasan warga miskin kota, adanya sesetengah penduduk bertempur dengan polis tentera. Di Sao Paolo, ribuan demonstran berprotes di jalanan untuk membantah Piala Dunia yang membazir wang, tetapi dilayan dengan gas pemedih mata daripada polis.

Pada ketika rakyat bawahan kehilangan rumah kediaman dan hidup susah, kerajaan Brazil pula membuka pintu luas kepada FIFA untuk mengaut keuntungan. Parlimen Brazil meluluskan rang undang-undang pada tahun 2010 untuk mengecualikan cukai terhadap perbelanjaan yang melibatkan penganjuran Piala Dunia secara langsung atau secara tidak langsung. “Pelabur” yang dikecualikan cukai termasuk FIFA, rakan kongsinya di Brazil dan badan yang dilantik oleh FIFA untuk mengendalikan perkara berkaitan dengan Piala Dunia. Pembinaan stadium untuk Piala Dunia juga mendapat potongan cukai.

Rusia 2018

Pembinaan Stadium Krestovsky (ataupun dikenali sebagai Zenit Arena) di Saint Petersburg, melibatkan pekerja-pekerja migran dari negara Uzbekistan, Kyrgyzstan, Ukraine dan Korea Utara. Pekerja-pekerja migran ini mendapat upah yang rendah. Kontraktor mengupah pekerja Korea Utara untuk menjimat kosnya supaya meningkatkan keuntungan yang masuk ke dalam poket sendiri. Pekerja Korea Utara ini terpaksa bekerja dengan jam kerja yang panjang setiap hari dan tiada hari rehat untuk tempoh 3 bulan. Dilaporkan adanya seorang pekerja Korea Utara mati di tapak kerja. Mereka bekerja seperti hamba abdi, dan takut bersuara. Lebih teruk lagi, 90% gaji yang diterima oleh pekerja Korea Utara ini diambil terus oleh Kerajaan Korea Utara yang zalim, sementara bayaran upah yang tinggal itu masih akan dipotong oleh syarikat ejen. Hak pekerja Korea Utara

langsung tiada jaminan.

Pekerja yang membina stadium yang cantil-cantik belaka di Rusia kebanyakannya merupakan pekerja migran. Sebahagian pekerja ini mempunyai kontrak pekerjaan dan syarikat juga membayar upah seperti yang dijanjikan, tetapi ada ramai pula pekerja menghadapi masalah tidak dibayar upah seperti yang dijanjikan, kelewatan dalam bayaran upah, terpaksa bekerja di bawah keadaan suhu amat rendah di luar bilik dan sebagainya. Ramai kontraktor tidak jujur dalam pengupahan pekerja. Kesatuan sekerja antarabangsa *Building and Wood Workers' International* telah melaporkan bahawa terdapat 17 orang pekerja mati di tapak pembinaan stadium untuk Piala Dunia.

Qatar 2022

Selepas Piala Dunia tahun ini di Rusia, Qatar akan menjadi tuan rumah untuk Piala Dunia pada tahun 2022. Qatar terletak di kawasan padang pasir yang panas. Untuk menangani kepanasan yang amat teruk di negara tersebut, kerajaan Qatar membina stadium khas yang dilengkapi dengan penyaman udara untuk Piala Dunia. Stadium sebegini yang pertama telah pun siap dibina pada tahun 2017. Namun, semasa pembinaan stadium dan kemudahan berkenaan, telah dilaporkan bahawa ramai pekerja pembinaan mati terkorban akibat daripada keadaan kerja yang amat dahsyat.

Dalam satu laporan yang dikemukakan oleh *International Trades Union Confederation* (ITUC) pada tahun 2014, dilaporkan bahawa seramai 1200 orang pekerja mati di Qatar sepanjang tempoh 2010 hingga 2014. Secara puratanya seorang pekerja mati setiap hari!

Di kalangan 2.64 juta penduduk di Qatar pada masa ini, antaranya terdapat lebih kurang 1.4 juta orang pekerja migran dari luar negara tersebut. Kebanyakan pekerja migran di Qatar datang dari India dan Nepal. Tinjauan ITUC mendapati bahawa sesetengah pekerja terpaksa bekerja 12 hingga 14 jam sehari. Ada sebahagian pekerja mendapat layanan yang tidak mematuhi kontrak kerja. Pekerja migran dilarang daripada mengadakan bantahan. Sesetengah pekerja yang bermogok dihalau keluar dari negara tersebut dalam tempoh 12 jam. Di bawah sistem *kafala* (“penajaan”) yang digunakan untuk mengawasi pekerja migran di Qatar, gerak-geri pekerja dikawal oleh majikan mereka, pasport ramai pekerja disimpan oleh majikan dan mereka tidak dapat menukar majikan secara bebas.

FIFA – Juara dalam korupsi dan penyelewengan

Skandal 1MDB memang tidak asing lagi untuk rakyat Malaysia, di mana berbilion-bilion ringgit dicuri oleh golongan pemerintah untuk

mengkayakan lagi diri mereka sendiri. Korupsi dan penyelewengan bukan lagi sesuatu yang asing dalam sistem kapitalis yang mengutamakan pengumpulan kekayaan golongan atasan. Bank dan pemilik modal memanipulasi pasaran untuk keuntungan jangka masa pendek; elit politik terus menikmati kemewahan hidup sedangkan mereka mendesak golongan miskin menerima gaji rendah dan perkhidmatan awam yang merosot; golongan mahakaya dan yang berkuasa membolot kekayaan yang dicipta rakyat biasa dengan bantuan dasar-dasar ekonomi yang pro-bisnes... Korupsi dan penyelewengan dilakukan secara terang-terang. Walau bagaimanapun, jika ditanya selain 1MDB, ada apa lagi yang boleh ditafsirkan sebagai persamaan kepada rasuah dan penyelewengan yang serius di dunia ini, sudah tentunya tidak boleh mengecualikan FIFA.

FIFA bukannya sebuah badan kerajaan yang beroperasi secara rahsia ataupun kartel jenayah, tetapi adalah sebuah pihak berkuasa antarabangsa yang bertanggungjawab terhadap sukan bola sepak di dunia. Namun, dengan sukan bola sepak semakin dikomersialkan dan mendatangkan keuntungan lumayan untuk golongan korporat, FIFA juga terjerumus dalam skandal demi skandal. FIFA telah menjelma sebagai kumpulan mafia berlesen yang mengaut keuntungan lumayan daripada penyelewengan dalam pengurusan sukan yang paling popular di dunia.

FIFA bukan lagi berfungsi untuk membangunkan sukan bola sepak di dunia, tetapi membolot segala kekayaan yang dapat dijana melalui sukan bola sepak.

Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, FIFA telah dipenuhi dengan talam dua muka, perjanjian bawah meja dan banyak lagi penyelewengan. Namun, kebanyakan pemimpin FIFA masih meneruskan amalan sebegini dan bebas daripada pendakwaan dan hukuman di sisi undang-undang.

Skandal yang terbesar terbongkar pada tahun 2015, melibatkan siasatan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) dan Bahagian Siasatan Jenayah Perkhidmatan Pendapatan Dalam (IRS-CI) di Amerika Syarikat terhadap aktiviti penipuan melalui talian komunikasi, pelaburan wang haram dan peras ugut di kalangan pegawai tinggi FIFA. Beberapa pegawai tinggi FIFA telah ditangkap. Penyelewengan yang berkenaan juga melibatkan proses permohonan untuk menganjurkan Piala Dunia 2018 di Rusia dan 2022 di Qatar. Presiden FIFA pada masa itu Sepp Blatter digantung jawatannya dan dilarang oleh Jawatankuasa Etika FIFA daripada terlibat dalam apa-apa berkaitan dengan bola sepak untuk 8 tahun (kemudiannya dikurangkan kepada 6 tahun).

Pengkomersialan sukan bola sepak dan struktur badan pengurusan sukan bola sepak (seperti FIFA) yang tidak demokratik, menjana masalah korupsi dan penyelewengan kuasa yang berterusan. ##



Selagi sukan bola sepak masih menjadi alat untuk korporat mengaut keuntungan lumayan, Piala Dunia pastinya akan terus menjadi punca kepada kesusahan rakyat bawahan.

Venezuela

Proses demokrasi tidak diiktiraf kuasa imperialis

Nicolas Maduro telah dipilih semula sebagai Presiden Republik Bolivar Venezuela untuk satu penggal lagi dalam Pilihanraya Presiden yang berlangsung pada 20 Mei lalu. Pilihanraya Presiden Venezuela terbaru ini, berlangsung dalam suasana ancaman kuasa imperialis yang hebat dan krisis ekonomi yang berlarutan.

Negara Venezuela yang digambarkan oleh kuasa-kuasa imperialis yang dipimpin Amerika Syarikat (AS) sebagai sebuah negara yang diperintah oleh "diktator" untuk 2 dekad yang lepas ini, telah mengadakan pengundian umum yang ke-24 dalam tempoh hampir 20 tahun.

Dengan majoriti puak pembangkang berhaluan kanan yang didukung kuasa imperialis AS memboikot pilihanraya presiden Venezuela kali ini, peratusan keluar mengundi amat rendah, khususnya di kawasan tertumpunya kelas menengah dan atas di bandar-bandar utama. Peratusan keluar mengundi pada keseluruhannya adalah 45.99%, jauh lebih rendah daripada 80.48% semasa Pilihanraya Presiden pada tahun 2012 apabila mendiang Hugo Chavez bertanding untuk kali terakhirnya.

Maduro daripada Parti Sosialis Bersatu Venezuela (PSUV) telah meraih sebanyak 6.2 juta undi (bersamaan 67.79%), memberikan kemenangan selesa dengan lawan yang terdekatnya, Henri Falcón, hanya mendapat sebanyak 1.9 juta undi (20.98%). Dua orang lagi calon Presiden, iaitu Javier Bertucci dan Reinaldo Quijada, hanya memperoleh undi sebanyak 10.83 dan 0.39% masing-masing.

Kerajaan AS enggan mengiktiraf keputusan pilihanraya presiden di Venezuela, malah mengatakannya adalah "penghinaan kepada demokrasi". Kerajaan AS telah menyokong (malah berkemungkinan besar dalam yang menggerakkan) usaha pembangkang berhaluan kanan di Venezuela untuk memboikot pilihanraya. "Kumpulan Lima" yang terdiri daripada kerajaan pro-AS di benua Amerika telah membantah keputusan kerajaan Venezuela mengadakan pilihanraya presiden, dan mengatakan sejak awal lagi tidak akan mengiktiraf keputusan pilihanraya. Lebih-lebih lagi, kerajaan Kanada menghalang kedutaan Venezuela di negaranya membuka pusat mengundi untuk warga Venezuela membuang undi (walaupun kebanyakan warga Venezuela di luar negara berpendirian politik pro-pembangkang). Imperialis AS dan sekutunya mengancam kerajaan

Venezuela dengan tuduhan kerajaan Maduro mengancam demokrasi, tetapi mereka sendiri menghalang rakyat Venezuela melibatkan diri dalam proses pilihanraya demokratik. Jadi, siapakah sebenarnya yang menghina demokrasi?

Oleh sebab kuasa imperialis sanggup melakukan apa jua pun untuk menjatuhkan kerajaan Venezuela, pembangkang berhaluan kanan di Venezuela telah terlepas satu "peluang keemasan" untuk menukar kerajaan.

Serangan daripada kuasa imperialis terhadap Kerajaan Bolivar Venezuela semakin hebat, dengan matlamat yang jelas, iaitu menukar rejim supaya menghapuskan segala dasar yang mengancam kepentingan kuasa imperialis dan membolehkan puak oligarki kembali berkuasa sepenuhnya di negara pengeluar minyak utama di Amerika Latin tersebut.

Revolusi Bolivar yang dicituskan selepas Hugo Chavez dipilih sebagai Presiden Venezuela pada tahun 1998, merupakan usaha rakyat Venezuela meneroka jalan menentukan nasib sendiri yang bebas daripada cengkaman kuasa imperialis. Namun, usaha rakyat Venezuela membina alternatif yang berbeza daripada apa yang diamalkan oleh Washington, sering diancam oleh golongan oligarki dalam negara dan kuasa imperialis dari luar. Cabaran kepada Revolusi Bolivar untuk 5 tahun yang lepas menjadi semakin hebat.

Selepas Chavez meninggal dunia pada 5 Mac 2013, Venezuela telah mengadakan Pilihanraya Presiden dalam tempoh masa 6 minggu. Calon pembangkang, Henrique Capriles, kalah tipis kepada Maduro dalam pilihanraya tersebut, dengan perbezaan undi hanya 1.49 titik peratusan. Pembangkang berhaluan kanan enggan mengakui kekalahan dan mencetuskan rusuhan sehingga 9 orang mati terkorban.

Pembangkang berhaluan kanan yang terdesak untuk golongan oligarki kembali berkuasa di Venezuela, telah mencetuskan satu lagi pusingan gelombang demonstrasi pada tahun 2014. Demonstrasi yang penuh dengan keganasan berlangsung untuk 3 bulan dengan 43 orang mati terkorban. Puak pembangkang berhaluan kanan mengulangi taktik demonstrasi ganas (yang digelar "guarimba") untuk menimbulkan huru-hara, mengambil kesempatan untuk mewujudkan tekanan di peringkat



antarabangsa, dan membolehkan kuasa imperialis AS menjustifikasikan tindakan campurtangannya dalam konflik di Venezuela. Gelombang demonstrasi bersifat ganas mencapai kemuncak pada tahun 2017, apabila lebih seratus orang terkorban dalam peristiwa keganasan (kebanyakan insiden kematian disebabkan oleh keganasan puak pembangkang), dan media arus perdana antarabangsa sentiasa menggambarkan Venezuela sebagai sebuah negara di bawah pemerintahan kediktatoran.

Situasi ekonomi di Venezuela juga merosot selepas peninggalan Chavez. Pengurangan pendapatan minyak petroleum akibat daripada penurunan harga minyak mentah telah menjejaskan perbelanjaan sosial kerajaan Venezuela. Inflasi semakin meningkat sehingga mencecah keadaan hiperinflasi pada tahun 2018. Barangan pengguna dan makanan asas menghadapi masalah kekurangan bekalan. Masalah ekonomi yang berterusan membolehkan puak pembangkang berhaluan kanan mengambil kesempatan untuk menimbulkan lebih banyak huru-hara.

Punca kepada krisis ekonomi di Venezuela mempunyai banyak aspek. Masalah utamanya termasuklah kepincangan yang wujud akibat daripada penetapan kadar pertukaran wang, tindakan mensabotaj ekonomi oleh golongan korporat swasta, kejatuhan harga minyak mentah di peringkat antarabangsa dan sebagainya. Sekatan kewangan yang dilakukan oleh kerajaan AS terhadap Venezuela mulai tahun 2017 juga telah memburukkan lagi keadaan ekonomi di negara itu.

Puak pembangkang berhaluan kanan telah menggunakan pelbagai taktik untuk menjatuhkan kerajaan Venezuela yang mendukung aspirasi

untuk Revolusi Bolivar. Namun, usaha pembangkang tidak berjaya sehingga menimbulkan perpecahan di kalangan mereka. Kebanyakan golongan pekerja dan rakyat bawahan di Venezuela, walaupun adanya tidak berpuas hati dengan kerajaan pimpinan Maduro dalam menangani krisis, tetapi mereka amat sedar bahawa rakyat Venezuela akan ditimpa malapetaka yang lebih teruk sekiranya puak pembangkang berhaluan kanan mengambil kuasa. Sekiranya puak pembangkang berhaluan berkuasa, bermakna kuasa lama yang memerintah Venezuela sebelum tahun 1998 akan kembali bermaharajalela, dan segala pencapaian sosial sepanjang tempoh 20 tahun yang lepas akan dihancurkan.

Walaupun Maduro menang dalam pilihanraya kali ini, namun cabaran untuk Revolusi Bolivar masih hebat. Pemilihan semula Maduro tidak akan menyelesaikan segala krisis politik dan ekonomi yang dihadapi rakyat Venezuela pada takat ini. Imperialis AS dan ejennya di Venezuela akan meneruskan usaha jahat mereka untuk menghancurkan Revolusi Bolivar. Kerajaan AS sedang memperhebatkan sekatan ekonomi terhadap Venezuela.

Masa depan untuk Venezuela masih tidak menentu. Namun, rakyat Venezuela tidak akan mengalah begitu sahaja. Dalam sejarah Venezuela, sama ada kebangkitan rakyat semasa *Caracazo* pada tahun 1989, ataupun pematihan rampasan kuasa pada tahun 2002, terbuktinya kuasa rakyat dari kawasan penduduk bawahan (*barrio*) adalah jalan keluar daripada kebuntuan politik. Harapan untuk Venezuela mengatasi cabaran akibat daripada ancaman imperialis dan golongan oligarki, terletak dalam tangan rakyat bawahan yang mempunyai kesedaran politik yang tinggi dan berorganisasi dari bawah. ##



Hari Itu Hari Rabu

**Sebuah cerpen
oleh K. Z. Iskandar Zulfaqar**

Kerajaan kleptokrat masih mendabik dada mengagumi kehebatan mereka. Jutaan ringgit ditaburkan kepada rakyat untuk memastikan mereka kekal diberi mandat untuk mentadbir. Bukan itu sahaja, kempen politik kebencian turut diadakan. Pelbagai isu sensitif ditiupkan termasuklah berkaitan perkauman, keagamaan dan lain-lain lagi.

Kesemua parti lawan menjadi mangsa kerajaan kleptokrat. Gabungan parti lawan dimaki hamun oleh mereka di samping dihembur dengan pelbagai fitnah. Bukan gabungan parti itu sahaja yang menjadi mangsa, sebuah parti berhaluan kiri yang turut bertanding dalam pilihanraya turut menjadi mangsa.

Parti berhaluan kiri itu dilabel sebagai pendokong komunis, menyokong keganasan dan juga mampu menjejaskan perpaduan kaum. Kesemua usaha itu jelas menunjukkan parti kleptokrat semakin terdesak kerana kebanyakan rakyat sudah menolak mereka. Namun, oleh kerana mahu menunjukkan mereka berkuasa, pelbagai cara kotor digunakan termasuklah memanipulasi media. Media diarahkan untuk memaparkan kebaikan mereka sahaja di samping memaparkan fitnah kepada parti lawan termasuklah parti berhaluan kiri.

Selain itu, pemimpin kleptokrat yang terpalit dengan skandal terbesar dunia turut menutupi skandalnya itu dengan cara memberi 'gula-gula' kepada rakyat. Pelbagai inisiatif tiba-tiba diberikan menjelang pilihanraya seperti bantuan kewangan yang digelar Bantuan BRO2M, KADSO2M dan macam-macam lagi dengan bertujuan supaya rakyat menyukai mereka seterusnya memberi mandat mentadbir kepada mereka.

Bukan itu sahaja, pemimpin kleptokrat turut memberikan alasan yang tidak masuk akal apabila disoal tentang penglibatan dirinya dalam skandal yang melibatkan berbilion ringgit duit rakyat disonglap. Beberapa tahun lepas, sejumlah 1.4 bilion wang yang dilaburkan rakyat hilang dan didapati berada dalam akaun pemimpin kleptokrat.

Apabila disoal, beliau menuduh pemimpin parti lawan mencuri wang tersebut dan wang yang berada dalam akaunnya adalah didermakan oleh seorang ahli perniagaan dari Costa Rica. Malangnya, setelah disiasat, tiada langsung bukti bahawa wang itu didermakan oleh seseorang. Demi menutup temberangnya, pemimpin kleptokrat memberikan pelbagai lagi inisiatif untuk mengaburi mata rakyat.

Pada kempen pilihanraya kali ini, pemimpin kleptokrat terpaksa menelan air liur pahit apabila mendapati setiap edisi ceramah dan kempen yang mereka jalankan begitu kurang sambutan daripada rakyat. Terbaru, ceramah mega yang mereka jalankan di ibu negara hanya dihadiri lebih kurang 300 orang penyokong sahaja.

Runsing pemimpin kleptokrat dibuatnya. Mereka telah berkuasa selama 60 tahun dan pilihanraya kali ini sangat berbeza daripada pilihanraya-pilihanraya sebelumnya. Jika pilihanraya sebelum ini, ribuan manusia akan membanjiri program yang dijalankan oleh mereka, tetapi kali ini hanya beberapa kerat sahaja. Adakah itu petanda bahawa mereka akan tumbang dalam pilihanraya akan datang?

Pemimpin kleptokrat terduduk atas kerusi di dalam pejabatnya sambil menggaru kepalanya. Dia runsing memikirkan nasib partinya dalam pilihanraya yang bakal diadakan beberapa hari lagi.

"Adakah kau rasa kita mampu pertahankan kuasa pada pilihanraya kali ini?" tanya pemimpin kleptokrat kepada naib pemimpin kleptokrat yang menemaninya di pejabat itu.

"Jangan bimbang! Bukankah kita sudah 60 tahun berkuasa? Sudah 13 kali edisi pihanraya diadakan dan kita menang kesemua 13 pilihanraya itu. Kita sudah menang 13-0. Pastinya pilihanraya kali ini kita menang lagi. Tidak mungkin boleh terjadi 13-1, mesti akan jadi 14-0 dan memihak kepada kita lagi kali ini. Lagipun, pelbagai inisiatif kita beri. Rakyat mesti termakan dengan janji-janji kita. Usaha terakhir yang kita boleh buat adalah menipu dalam pilihanraya nanti. Seperti yang kita buat pada pilihanraya lepas. Kita masih boleh



menggunakan taktik *blackout* seperti pilihanraya yang lalu."

"Betul juga tu." Pemimpin kleptokrat mula berasa sedap hati.

Setelah sekian lama menunggu, akhirnya hari pengundian pun tiba. Hari itu hari Rabu, hari keramat di mana rakyat akan membuang undi buat kali ke 14. Suruhanjaya Penipu Rakyat Negara (SPRN) diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan pilihanraya ini. Pemimpin kleptokrat telah pun memberikan rasuah kepada ketua SPRN untuk memastikan mereka menang dalam pilihanraya kali ini.

Sebaik sahaja semua rakyat membuang undi, proses pengiraan undi pun bermula pada sebelah petang itu. Pada masa inilah ketua SPRN ingin membuat onar. Dia telah mengarahkan kesemua petugas untuk memasukkan kertas undi palsu bagi menambahkan undi buat parti kleptokrat. Dia juga mengugut petugas yang tidak mahu bekerjasama dengannya.

Namun, nasib tidak menyebelahi mereka apabila rancangan mereka itu berjaya digagalkan oleh sekumpulan rakyat Malaysia yang secara sukarela menjadi Ejen Pengundian. Mereka telah berjaya membuktikan temberang Suruhanjaya Penipu Rakyat Negara (SPRN) dan berjaya menggagalkannya. Sekali lagi ketua SPRN menelan air liur pahit. Dia terus menghubungi pemimpin kleptokrat.

"Maafkan saya. Rancangan gagal!" katanya sebak.

"Celaka kau! Bodoh! Tak boleh diharap!" pemimpin kleptokrat kecewa dan memaki hamunnya.

Malam itu, majlis pengumuman pemenang pun dijalankan. Ketua Suruhanjaya Penipu Rakyat Negara (SPRN) menggunakan taktik jahat iaitu ingin mengira semula undi untuk membuat penipuan namun malang menyimpannya apabila rancangan jahat itu tidak dipersetujui oleh rakyat. Ketua SPRN semakin terdesak menyebabkan beliau melambatkan pengumuman pemenang hingga pukul 3 pagi. Buat pertama kali dalam sejarah pengumuman pemenang ditangguhkan sehingga jam 3 pagi.

Desakan demi desakan telah dibuat kepada ketua Suruhanjaya Penipu Rakyat Negara (SPRN) supaya segera mengumumkan keputusan pilihanraya. Akhirnya, ketua SPRN terpaksa mengumumkan keputusan tersebut kerana tidak tahan dengan desakan rakyat. Keputusan diumumkan. Parti kleptokrat kalah teruk dalam pilihanraya kali ini. Mereka juga gagal mendapat mandat untuk mentadbir negara kali ini.

Ketua kleptokrat yang mengikuti pengumuman pemenang pilihanraya dari rumahnya terduduk. Peluh resah membasahi dahinya. Air liur pahitnya terpaksa ditelan. Air matanya mengalir mengenangkan nasibnya yang sudah jatuh ditimpa tangga. Lebih teruk adalah kamar besi sedang menanti ketibaannya tidak lama lagi. ##



1968: Tahun yang radikal

50 tahun dahulu, iaitu tahun 1968, merupakan satu tahun yang penuh dengan kebangkitan rakyat di seluruh dunia. Api penentangan, pemberontakan dan revolusi bersemarak di sana sini. Semangat revolusi dan idea untuk perubahan yang disaksikan dalam tahun 1968, bukan sahaja melahirkan generasi baru yang berpemikiran politik radikal, malah mempengaruhi perkembangan sejarah setengah abad selepasnya.

Gelombang revolusi muncul di seluruh pelusok dunia pada tahun 1968. Gerakan perjuangan rakyat yang hebat telah timbul di setiap benua di bumi. Banyak kerajaan negara telah digegarkan oleh kuasa rakyat. Rakyat yang tinggal di negara-negara dalam

kedua-dua blok (Blok Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat dan Blok Timur yang diketuai oleh Kesatuan Soviet) semasa Perang Dingin, telah menyertai barisan penentangan dan perjuangan revolusioner yang beraspirasikan perubahan.

Seperti gelombang revolusi tahun 1848 di Eropah, ataupun Revolusi Rusia pada tahun 1917 dan gelombang revolusi yang muncul selepasnya, siri peristiwa yang revolusioner pada tahun 1968 telah mengubah sejarah dan meninggalkan impak yang mendalam kepada masyarakat dunia.

Tahun 1968, melambangkan perjuangan yang radikal, penentangan terhadap kekuasaan, pemberontakan dan REVOLUSI. Sama ada di masyarakat kapitalis "dunia bebas" di Blok Barat, ataupun negara-negara yang diperintah oleh parti-parti bersifat Stalinis di Blok Timur, rakyat telah bangkit mencabar kuasa pemerintahan yang semakin seleweng dan korup. Rakyat yang mempersoalkan kekuasaan, merindukan perubahan dan berazam tinggi untuk pembebasan, telah



mencuba untuk membina satu dunia baru dengan cara yang radikal. Anak muda dan pelajar di seluruh dunia telah memberontak, penglibatan kelas pekerja dalam perjuangan telah membawa revolusi ke kemuncaknya.

Kejutan kepada Dunia

Menjelang tahun 1968, negara-negara barat yang maju dari segi ekonomi telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat pesat selepas Perang Dunia II dan membawa kepada pembangunan masyarakat yang menakjubkan, sehingga ramai orang pada masa itu telah menganggap bahawa perjuangan kelas itu sudah ketinggalan zaman. Revolusi dianggap sebagai sesuatu yang tidak relevan lagi. Kapitalisme nampaknya sudah tidak dapat dikalahkan. Namun, dalam tempoh masa beberapa bulan sahaja, mimpi kapitalisme untuk "Dunia Baru yang Indah" telah hancur berkecai dalam kebangkitan rakyat yang mencabar sistem kapitalis di negara maju.

Imperialisme Amerika Syarikat telah mengalami tamparan yang hebat di Vietnam pada tahun 1968. Di tanahair AS sendiri dan juga negara-negara barat yang bergelar "Dunia Bebas", ratusan ribu anak muda dan pelajar turun ke jalanraya dalam gerakan anti-perang yang paling hebat dalam abad ke-20. Gerakan anti-perang di negara-negara barat yang diterajui golongan anak muda radikal, bukan sahaja membantah perang penaklukan imperialis, tetapi juga menentang sistem yang membawa peperangan itu sendiri.

Peristiwa Mei 1968 di Perancis, dimulakan oleh pelajar yang memberontak, dan mencapai kemuncak apabila kelas pekerja juga turun berjuang. Peristiwa Mei 1968 menyaksikan mogok umum nasional yang paling hebat dalam sejarah. Pekerja menduduki kilang, jawatankuasa pekerja diorganisasikan untuk mengagihkan bahan bakar dan makanan. Jikalau bukannya pengkhianatan daripada pemimpin reformis dalam Parti Komunis Perancis dan birokrat kesatuan sekerja di Perancis, sememangnya gerakan Mei 1968 di Perancis akan berkembang dengan lebih hebat lagi.

Peristiwa Mei 1968 di Perancis, ataupun Gerakan Pelajar di Jerman Barat (*68er-Bewegung*), ataupun gerakan protes semasa persidangan

Parti Demokratik di Chicago AS, telah menyaksikan pemberontakan anak muda yang mencabar kekuasaan golongan pemerintah secara terbuka melalui tindakan langsung.

Di Czechoslovakia, para pekerja turun ke jalanraya untuk menentang kekuasaan yang mahu menghancurkan usaha pembaharuan masyarakat sosialis. Kesatuan Soviet telah menghantar kereta kebal untuk menakluki Czechoslovakia demi menghancurkan usaha pembaharuan "Musim Bunga Prague" (*Prague Spring*). Tindakan sebegini telah mendedahkan sifat sebenar rejim Stalinis di Eropah Timur. Pekerja-pekerja yang berdemonstrasi di Poland, satu lagi negara satelit Kesatuan Soviet, telah melaungkan slogan "Jatuhkan Kelas Borjuasi Merah!"

Di Pakistan, termasuk Pakistan Timur masa itu (iaitu Bangladesh sekarang), tercetusnya kebangkitan rakyat pada bulan November 1968, yang akhirnya menjatuhkan pemerintahan kediktatoran tentera yang diketuai oleh Ayub Khan. Di Mexico, gerakan kebangkitan pelajar yang hebat telah dipukul secara ganas oleh kerajaan 10 hari sebelum berlangsungnya Sukan Olimpik di Bandaraya Mexico.

Mencari alternatif baru

Selepas tamatnya Perang Dunia II, dunia telah melangkah masuk ke dalam Zaman Perang Dingin, di mana Blok Timur yang terdiri daripada Kesatuan Soviet dan negara-negara satelitnya di Eropah Timur yang dikuasai parti-parti bersifat Stalinis, bertembung dengan Blok Barat yang diketuai oleh kuasa-kuasa imperialis barat seperti AS dan Britain. Di negara-negara Dunia Ketiga, telah wujudnya gerakan pembebasan nasional yang hebat. Revolusi China pada tahun 1949 dan Revolusi Kuba pada tahun 1959, adalah antara peristiwa perjuangan pembebasan masyarakat yang hebat, dan menjadi inspirasi kepada pemberontakan rakyat yang tertindas di seluruh dunia.

Di negara-negara barat yang mengalami pembangunan ekonomi yang pesat selepas Perang Dunia, kebanyakan golongan kiri dan

gerakan pekerja di situ masih menganggap Kesatuan Soviet sebagai alternatif kepada kapitalisme barat. Namun, imaginasi untuk Kesatuan Soviet sebagai alternatif telah mengalami perubahan tidak lama kemudian. Kebangkitan rakyat di Jerman Timur pada tahun 1953 dan Revolusi Hungary pada tahun 1956, telah menggugat kekuasaan pemerintahan Stalinis di Eropah Timur. Pemerintahan Stalinis telah mengekang kebebasan rakyat pekerja dan cuba membina "sosialisme" dari atas melalui cara birokrasi. Apabila kereta kebal dari Kesatuan Soviet masuk ke bumi Czechoslovakia untuk menghancurkan "Musim Bunga Prague", kewibawaan rejim Stalinis telah hilang sama sekali. Pekerja dan pelajar yang menentang kekuasaan Kesatuan Soviet di negara-negara Stalinis, sebenarnya mengalami nasib sama dan berada di barisan perjuangan yang sama dengan mereka yang berprotes menentang kekuasaan dan membantah perang imperialis di negara-negara barat.

Gerakan sosial di negara-negara barat turut mengalami radikalisasi pada tahun 1960-an. Apabila pemimpin Gerakan Hak Sivil (*Civil Rights Movement*), Martin Luther King, dibunuh pada tahun 1968, berlakunya rusuhan yang merebak di seluruh AS. Generasi baru aktivis orang berkulit hitam AS telah beralih dari Gerakan Hak Sivil yang bersifat sederhana kepada Gerakan Kuasa Hitam (*Black Power*) dan Parti Black Panther yang bersifat lebih radikal. Gerakan Hak Sivil di Ireland Utara juga lahir dalam penindasan ganas



oleh polis pada tahun 1968.

Dengan berkembangnya gerakan yang radikal, semakin ramai orang inginkan revolusi sosial dan perubahan yang sebenar. Namun, apabila impian untuk pembebasan diri di Czechoslovakia dihancurkan oleh kereta kebal Kesatuan Soviet, ramai orang tidak lagi percaya pada fahaman sosialisme yang palsu seperti yang diamalkan di Kesatuan Soviet. Ramai mengalihkan perhatian kepada Sosialisme di China yang diterajui oleh Mao Zedong, Revolusi Kuba yang dipimpin oleh Fidel Castro bersama Ernesto Che Guevara, ataupun gerakan pembebasan nasional yang lain di Dunia Ketiga. Pada masa yang sama, aliran pemikiran kiri dan organisasi politik yang radikal turut berkembang pesat, termasuklah Anarkisme, Trotskyisme, *Situationist International* dan sebagainya.

Seluruh dunia berbelok ke kiri pada tahun 1968, namun serangan balas daripada golongan kanan dan kelas pemerintah juga amat hebat. Golongan kanan dan kelas pemerintah menggunakan segala cara untuk memburuk-burukkan kebangkitan rakyat, sehingga menggunakan kekejaman berdarah untuk menghancurkan segala ancaman terhadap kekuasaan mereka. Pengkhianatan oleh golongan reformis dalam parti berhaluan kiri dan birokrat kesatuan sekerja terhadap gerakan kelas pekerja, juga menyebabkan kuasa pekerja yang bangkit pada masa itu terlepas satu peluang keemasan untuk mencapai kejayaan baru. Walau bagaimanapun, perjuangan yang digerakkan oleh anak muda, pekerja dan rakyat bawahan, masih dapat mencapai banyak kejayaan dari segi pembaharuan masyarakat.

Gerakan sosial yang muncul pada lewat abad ke-20, seperti gerakan anti-nuklear, gerakan alam sekitar, gerakan hak wanita dan sebagainya, adalah hasil tinggalan daripada cetusan perjuangan hebat pada tahun 1968.

(sambung di m/s 15)

Satu lagi dunia adalah berkemungkinan

Walaupun 50 tahun sudah berlalu, semangat revolusi 1968 masih berkeliaran di seluruh dunia.

Selepas kejatuhan Blok Timur pada tahun 1989, penyokong sistem kapitalis global dan kelas pemerintah sentiasa memberitahu kita bahawa kapitalisme satu-satunya pilihan kita. "Kapitalisme membawa kemakmuran, kelas pekerja sudah hilang, penentangan oleh pekerja tidak akan berjaya..." begitulah propaganda mereka. Namun, seawal tahun 1968 lagi hujah-hujah ini telah dipatahkan oleh aksi perjuangan yang hebat di seluruh dunia. Bara 1968 dan juga perjuangan kelas yang berlangsung di sana sini selepasnya, telah menunjukkan bahawa percanggahan asas di masyarakat dunia masih belum selesai dan perjuangan rakyat akan berterusan.

Sistem kapitalis sentiasa mendatangkan pemerasan dan penindasan. Di mana ada penindasan, di situ adanya penentangan. Malah, pada zaman ekonomi kapitalis mencapai kemuncaknya pada tahun 1968 di Perancis dan AS, turut tercetuskan gerakan pemberontakan yang hebat; apatah lagi pada masa kini apabila ekonomi menjadi semakin tidak samarata dan masyarakat semakin tidak adil.

Gelombang kebangkitan rakyat pada tahun 1968, telah membuka minda rakyat sedunia untuk imaginasi pembebasan masyarakat yang sebenar. Imaginasi ini tidak pernah luntur walaupun sudah berlalunya 50 tahun, malah terus memberikan ilham kepada kita tentang satu dunia yang berbeza adalah berkemungkinan. ##




Protes di jalanan Paris, Perancis



Protes di DNC, Chicago, AS



"Black Power Salute" semasa Olimpik 1968



Rakyat Czechoslovakia bantah penaklukan Rusia

Kronologi ringkas tahun 1968

5 Januari: Czechoslovakia - Alexander Dubcek menjadi ketua kerajaan Czechoslovakia dan memulakan pembaharuan "Musim Bunga Prague" yang memacu perbezaan pendapat di kalangan rakyat biasa.

11 Januari: Sepanyol - Tindakan kerajaan Sepanyol cuba menyekat aktiviti gerakan pelajar telah mencetuskan demonstrasi dan pertempuran jalanan antara demonstran dengan polis. Selepas itu, protes menjadi semakin kerap.

30 Januari: Vietnam - Tentera penentang Vietnam melancarkan "Serangan Tet", satu gelombang serangan mengejut terhadap tentera AS dan sekutunya, sehingga menghalau mereka keluar dari bandar-bandar utama untuk seketika.

11 Februari: Amerika Syarikat - Pekerja-pekerja sanitasi bermogok menentang diskriminasi kaum di Memphis, AS.

1 Mac: Itali - Pelajar yang menduduki Universiti Sapienza Rom, Itali telah bertempur dengan polis.

8 Mac: Poland - Pelajar-pelajar dari Universiti Warsaw berarak untuk hak pelajar tetapi dipukul secara keras oleh pihak berkuasa. Ini mencetuskan gelombang protes di Poland.

15 Mac: Poland - 20,000 pekerja dan pelajar berprotes di Gdansk bertempur dengan pasukan keselamatan. Gelombang protes menuntut pembaharuan merebak ke seluruh negara Poland.

17 Mac: Britain - Lebih kurang 100,000 pelajar berarak menuju ke Kedutaan AS di London, UK, untuk membantah perang terhadap Vietnam.

4 April: Amerika Syarikat - Martin Luther King ditembak mati di Memphis, AS. Rusuhan tercetus di banyak buah bandar di seluruh AS.

6 April: Amerika Syarikat - Bobby Hutton, Bendahari Nasional Parti Black Panther, yang berumur 17 tahun pada masa itu, ditembak mati polis di Oakland, AS.

11 April: Jerman Barat - Cubaan membunuh aktivis pelajar Jerman Barat, Rudi Dutschke, yang didakwa sebagai "musuh awam" oleh akhbar *Bild-Zeitung*. Pelajar yang marah dengan tindakan itu telah berprotes dan menyekat pengedaran akhbar *Bild-Zeitung*. Dalam pertempuran dengan polis, lebih kurang 400 orang pelajar cedera dan 2 orang mati.

23 April: Amerika Syarikat - Pelajar yang bermogok menduduki Columbia Universiti di New York.

1 Mei: Sepanyol - Pekerja-pekerja Sepanyol mengadakan aksi massa yang pertama sejak tamatnya Perang Saudara (tahun 1936-39) pada Hari Buruh bagi membantah rejim diktator Franco.

3 Mei: Sweden - Aktivis Sweden berprotes membantah penyertaan dua buah negara apartheid (Rhodesia dan Afrika Selatan) dalam pertandingan tenis yang diadakan di Bastad. Pertempuran ganas berlaku antara polis dengan demonstran.

6 Mei: Perancis - Pelajar-pelajar dan tenaga pengajar berarak menuju ke Universiti Paris, membantah tindakan polis menyerbu universiti tersebut untuk mengusir pelajar yang berhimpun 3 hari sebelum itu. Lebih 20,000 orang berarak dan bertembung dengan polis yang masih menduduki kampus Universiti Paris. Gelombang protes menjadi lebih hebat selepas itu.

21 Mei: Amerika Syarikat - Ribuan peserta Kempen Orang Miskin (*Poor People's Campaign*) di AS mendirikan satu penempatan yang dikenali sebagai "Bandar Bangkit Semula" (*Resurrection City*) dan bertahan untuk selama 6 minggu.

24 Mei: Sweden - Pelajar berhaluan kiri di Sweden menduduki bangunan kesatuan pelajar di Universiti Stockholm sebagai protes terhadap kerajaan.

29 Mei: Perancis - 10 juta pekerja Perancis bermogok dan banyak kilang diambilalih pekerja yang bermogok, Charles de Gaulle, Presiden Perancis pada masa itu, terpaksa melarikan diri ke luar negara.

26 Jun: Brazil - 100,000 orang turun ke jalanan di Rio de Janeiro dalam aksi protes menentang kediktatoran tentera di Brazil pada masa itu.

21 Ogos: Czechoslovakia - 200,000 orang tentera Rusia bersama kereta kebal menakluki Czechoslovakia untuk menggulingkan kerajaan Dubcek yang melakukan pembaharuan "Musim Bunga Prague".

25 Ogos: Rusia - 8 orang berdemostrasi di Moscow membantah penaklukan Kesatuan Soviet ke atas Czechoslovakia tetapi hanya untuk seketika sebelum ditahan polis rahsia KGB.

28 Ogos: Amerika Syarikat - Semasa berlangsungnya Persidangan Nasional Parti Demokratik (DNC) di Chicago, puluhan ribu demonstran yang membantah Perang Vietnam telah bertempur dengan polis di jalanan.

2 Oktober: Mexico - Polis dan tentera Mexico membunuh ratusan pelajar yang berprotes di Bandaraya Mexico. Sebelum itu, Mexico dilanda gelombang protes sepanjang musim panas tahun itu.

5 Oktober: Ireland Utara - Rusuhan tercetus di Derry, Ireland Utara, selepas perarakan untuk hak sivil Katolik dipukul oleh polis.

16 Oktober: Mexico - Atlet kulit hitam AS, Tommie Smith dan John Carlos, mengangkat tangan penumbuk dengan sarung tangan hitam di atas podium semasa upacara nyanyian lagu kebangsaan AS di Sukan Olimpik yang diadakan di Bandaraya Mexico.

21 Oktober: Jepun - 290,000 orang berarak dalam aksi anti-perang dan mengambilalih stesen Shinjuku di Tokyo, Jepun, sehingga memaksa perkhidmatan keretapi dihentikan. Pertempuran sengit berlaku apabila pihak polis menyuraikan demonstran.

7 November: Pakistan - Tindakan pihak berkuasa Pakistan memukul pelajar yang berprotes mencetuskan gelombang kebangkitan rakyat Pakistan yang lebih hebat sehingga menjatuhkan rejim diktator Ayub Khan pada bulan Mac 1969.

PERJUANGAN RAKYAT DITERUSKAN

Pilihanraya Umum ke-14 telah berakhir dengan menyaksikan satu Tsunami Pengundi hebat yang akhirnya menjatuhkan pemerintahan UMNO-BN di peringkat Persekutuan yang sudah berkuasa selama 61 tahun. Namun, ironinya juga Perdana Menteri untuk kerajaan baru setelah pertukaran rejim adalah Perdana Menteri yang paling lama semasa rejim UMNO-BN, dan ini hanya menunjukkan bahawa cabaran untuk kita membawa perubahan sebenar untuk masyarakat Malaysia masih amat besar dan kita tidak boleh membiarkan elit politik menentukan masa depan kita walau apa jua keadaan pun.

Walau bagaimanapun, kita perlu meraikan detik bersejarah dalam politik tanahair kita ini, kerana hasil daripada perjuangan rakyat yang berterusan untuk bertahun-tahun lamanya, akhirnya kita dapat buktikan bahawa UMNO-BN itu tidak kebal dan boleh dijatuhkan. Jika kita boleh jatuhkan UMNO-BN pada tahun 2018, mana-mana kerajaan yang memerintah selepas ini juga boleh dijatuhkan jika mereka tidak dapat menjaga kepentingan rakyat terbanyak.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) tidak dapat memenangi apa-apa kerusi dalam PRU-14. PSM bertanding secara sendiri untuk 4 kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN.

Salah satu faktor PSM gagal memenangi kerusi adalah mood

menjatuhkan UMNO-BN yang jauh lebih hebat daripada perkara yang lain dalam PRU-14. Ini memang di luar jangkaan ramai, termasuk PSM sendiri. Mood untuk menukar kerajaan ini merentasi batas kaum. Dalam gelombang mood untuk pertukaran rejim inilah, PSM terpaksa dikorbankan, walaupun ada yang menghargai sumbangan PSM dalam perjuangan menjatuhkan rejim UMNO-BN. Pengundi hanya mengenal simbol yang mewakili Pakatan Harapan, ataupun PAS di Pantai Timur, bukannya simbol PSM dan calon PSM yang berkualiti.

Walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan A. Sivarajan (Setiausaha Agung PSM), mood politik itu tidak sama dengan kesedaran politik rakyat. Mood itu dipengaruhi oleh perasaan yang datang dan pergi begitu sahaja, dipengaruhi oleh ketidakpuasan hati atau kemarahan terhadap sesuatu. Kemarahan rakyat memang boleh menjatuhkan satu rejim, tetapi hanya kesedaran rakyat membolehkan kita membina sebuah masyarakat baru yang bebas sepenuhnya daripada sistem yang lama. Tidak boleh dinafikan bahawa sentimen rakyat amat mudah dipengaruhi oleh politik populis yang mempergunakan kemarahan rakyat atau mempermainkan sentimen perkauman dan ketakutan/kebencian (seperti xenofobia dan homofobia), untuk kepentingan sendiri atau kepentingan elit pemerintah yang

diwakilinya.

Tugas yang penting untuk parti politik yang berusaha untuk membawa perubahan sebenar dan pembebasan masyarakat melalui kuasa rakyat, bukannya sekadar menunggang mood rakyat yang berubah-ubah mengikut keadaan, tetapi perlu berusaha membina kesedaran rakyat melalui proses pendidikan politik, organisasi dan keterlibatan rakyat yang berterusan dalam perjuangan sosial.

Selepas PRU-14, PSM telah kembali fokus pada kerja-kerjanya memperjuangkan isu rakyat yang tertangguh sebelum ini kerana PRU. Mungkin ada orang akan meremehkan PSM kerana keputusan teruk PSM dalam pilihanraya, tetapi aktivis-aktivis PSM yang komited dalam usaha membina kuasa rakyat akan terus maju ke depan.

Dalam suasana baru dengan kerajaan baru, wujudnya ruang baru untuk kita bersama-sama membawa perjuangan rakyat ke hadapan.

Dalam 5 tahun akan datang, PSM akan mengetengahkan tuntutan rakyat untuk menguji keikhlasan Pakatan Harapan dalam membawa pembaharuan kepada masyarakat Malaysia, antaranya:

- Hapuskan undang-undang zalim dan memperluaskan

ruang demokrasi;

- Hapuskan GST dan menuju sistem percukaian progresif yang adil;
- Kembalikan pilihanraya tempatan;
- Naikkan gaji minimum;
- Hapuskan sistem kontrak (khususnya pekerja di sekolah dan hospital kerajaan);
- Kaji semula dan tarik diri daripada semua perjanjian perdagangan antarabangsa yang mengancam kepentingan rakyat marhaen;
- Pertahankan perkhidmatan asas daripada diswastakan;
- Perumahan yang mampu diduduki semua rakyat;
- Dan banyak lagi...

Kemungkinan besar negara kita dilanda lagi krisis ekonomi, dan perlunya kita membawa dasar sosio-ekonomi yang melangkaui kerangka kapitalis yang sedia ada. Akan wujudnya banyak ketidakpastian dalam senario politik di negara kita dengan situasi terbaru ini, dan perlu kita menggunakan seberapa ruang yang ada untuk memajukan perjuangan rakyat demi perubahan sebenar yang berlandaskan pembebasan rakyat, demokrasi sejati dan keadilan sosial. ##

PSM dalam PRU-14



Batu Gajah



Semenyih



Sungai Siput



Malim Nawar



Sungai Buloh